

BAB 5

FILEM DOKUMENTARI TERBITAN MALAYAN FILM UNIT/FILEM NEGARA MALAYSIA: ANALISIS FILEM

5.1 PENGENALAN

Analisis terhadap filem-filem keluaran Filem Negara Malaysia dibahagikan kepada tiga bahagian seperti berikut:-

1. Era pra - merdeka (1947 - 1956)
2. Era merdeka (1957 - 1966)
3. Era pembangunan (1967 - 2000)

Bilangan filem-filem yang diterbitkan oleh Filem Negara Malaysia adalah seperti berikut :-

- | | | |
|-------------------------------------|---|-----------------|
| 1. Era pra - merdeka (1947 - 1956) | - | 304 buah filem |
| 2. Era merdeka (1957 - 1966) | - | 526 buah filem |
| 3. Era pembangunan (1967 - 2000) | - | 1574 buah filem |

Jika dijumlahkan terdapat sebanyak 2404 buah filem dokumentari yang telah diterbitkan sehingga Disember 2000. (Katalog Filem-Filem Terbitan Filem Negara Malaysia, Unit Pembahagian Filem, FNM, 1999).

Memandangkan terlalu banyak filem yang telah diterbitkan oleh MFU/FNM maka pemilihan filem dokumentari untuk tujuan kajian ini dilakukan mengikut kaedah persampelan rawak. Tidak mungkin pengkaji mampu menonton keseluruhan filem-filem dokumentari tersebut. Oleh itu satu perkara yang dilakukan ialah dengan mengkaji sinopsis filem-filem yang ada kaitan dengan nilai nasional sebelum pemilihan filem-filem dibuat.

Seperkara lagi yang amat penting dalam kriteria pemilihan ialah filem-filem yang dipilih itu mesti ada kaitan dengan **nilai-nilai nasional** yang telah ditentukan. Ini ialah kerana pengkaji melihat sejauh manakah **nilai-nilai nasional** itu diterap atau diserasikan dalam filem-filem dokumentari berkenaan.

Satu lagi faktor penting yang diambilkira ialah memastikan filem-filem yang dipilih itu masih lagi berada dalam simpanan di Filem Negara Malaysia (FNM), masih baik dan boleh digunakan. Oleh sebab usia filem-filem berkenaan sudah terlalu lama berkemungkinan ia tidak dapat digunakan lagi.

Pengkaji memilih filem-filem berikut mewakili era masing-masing yang bersesuaian : -

Era Pra-Merdeka (1947 - 1956)

<u>Tajuk</u>	<u>Tahun</u>	<u>J/masa</u>
1. The Kinta Story	1949	20 min
2. Before The Wind	1953	20 min
3. Padi Kunca (Hassan's Homecoming)	1954	20 min

Era Merdeka (1957 - 1966)

<u>Tajuk</u>	<u>Tahun</u>	<u>J/masa</u>
1. Kemerdekaan Malaya	1957	38 min
2. Dugaan Negara	1960	41 min
3. Kelahiran Malaysia	1963	36 min

Era Pembangunan (1967 - 2000)

<u>Tajuk</u>	<u>Tahun</u>	<u>J/masa</u>
1. Ke Arah Perpaduan	1974	45 min
2. Alam Sekitar Memerlukan Anda	1986	13 min
3. Malaysia Megah Membangun	1990	20 min
4. Malaysia Melangkah Ke Hadapan	1998	25 min

5.2 ANALISIS FILEM

Analisis kandungan kajian filem dokumentari ini dibuat berdasarkan filem-filem yang dikaji secara kronologi mengikut era-era kajian. Tumpuan analisis setiap filem akan disusun seperti berikut.

1. Latarbelakang dan bentuk filem

Bahagian ini akan mengenangkan bentuk filem berkenaan. Antara perkara yang berkaitan ialah sama ada filem itu dibuat dalam bentuk hitam putih atau warna, format 16 atau 35 mm, berapa bahasa digunakan dan berapa panjang filem tersebut.

2. Sinopsis filem

Sinopsis filem berkenaan akan diberikan dalam bahagian ini. Sinopsis akan memberi gambaran keseluruhan mengenai isi kandungan filem berkenaan.

3. Olahan filem

Dalam bahagian ini pula penceritaan dengan lebih mendalam mengenai isi filem berkenaan akan dipersembahkan. Dengan cara ini pembaca dapat memahami apakah sebenarnya kandungan dalam filem berkenaan.

4. Kandungan nilai nasional

Bahagian ini akan memperincikan secara jelas akan nilai-nilai nasional yang terkandung dalam filem yang dikaji.

5.2.1 Era Pra-Merdeka (1947 - 1956)

Era ini telah dikenalpasti sebagai era pemerintahan Inggeris selepas penaklukan tentera Jepun. Era ini juga dikenali sebagai era darurat. Pada 16 Jun 1948 darurat telah diisyiharkan di kawasan Sungai Siput, Perak dan kawasan tengah Johor sahaja. Bagaimanapun pada 17 Julai 1948 darurat diisyiharkan di seluruh negara kerana pemberontakan dan tindakan ganas oleh Parti Komunis Malaya telah begitu berleluasa (Nazaruddin M Jali, 1992 : 65). Kajian ini mendapat filem-filem yang dikaji mempunyai latar belakang ini.

Dalam zaman era pra-merdeka sebanyak tiga buah filem dipilih untuk dianalisis iaitu *The Kinta Story*, *Before The Wind* dan *Padi Kunca (Hassan's Homecoming)*.

5.2.1.1 Filem Dokumentari "The Kinta Story"

Latarbelakang dan bentuk filem

Filem ini diterbitkan dalam tahun 1949, dihasilkan dalam bentuk hitam putih dan panjang tayangannya ialah 20 minit. Ia dihasilkan dalam dua format iaitu 35 dan 16 mm.

The Kinta Story diterbitkan dalam tiga bahasa berasingan iaitu bahasa Melayu, Inggeris dan Mandarin. Tujuannya ialah supaya mesejnya sampai kepada semua golongan masyarakat. Filem ini dianggap sebagai salah sebuah filem dokumentari yang terbaik pada zamannya. Ia dihantar untuk menyertai Festival Filem Edinburg pada tahun 1950.

Sinopsis Filem

Filem ini mengisahkan mengenai kawasan Lembah Kinta di Perak yang merupakan tempat tersimpannya bijih timah yang terkaya di dunia. Pada ketika itu iaitu sekitar hujung tahun 1940an pengganas komunis bermaharajalela di Tanah Melayu. Lembah Kinta juga menjadi sasaran mereka. Pengganas komunis berhasrat menguasai lombong bijih dengan melakukan kerosakan dan ugutan.

Walaupun mereka mencuba dengan pelbagai cara dan sedaya upaya namun mereka gagal. Ini disebabkan oleh hasil kesepakatan yang jitu daripada pemilik lombong, para pekerja, pasukan polis dan pihak berkuasa yang mencipta satu sistem pertahanan kukuh yang mampu mempertahankan lombong mereka daripada diceroboh oleh pengganas.

Olahan filem

Plot dokumentari filem ini bermula dengan menggambarkan satu kawasan perlombongan yang sangat luas di Lembah Kinta berhampiran Ipoh Perak. Usaha-usaha melombong bijih timah dilakukan dengan begitu giat sekali. Kegiatan perlombongan dilaksanakan sama ada dengan menggunakan tenaga manusia mahupun jentera. Hasilnya sungguh memuaskan.

Pada bulan Ogos 1948 pengganas komunis melakukan kekacauan dan huru hara di kawasan lombong. Mereka mengganas dengan merosakan peralatan melombong, melakukan penculikan, kekejaman dan yang lebih dahsyat lagi hingga ke tahap membunuh. Akibatnya kawasan lombong menjadi kucar kacir. Ketenteraman, keamanan dan keadaan keselamatan sudah tidak terjamin lagi. Para pelombong berada dalam keadaan ketakutan dan tidak boleh melaksanakan kerja-kerja melombong dengan sempurna.

Usaha-usaha mesti dilakukan untuk mengelakkan keadaan sedemikian berlaku. Keadaan tenteram dan tenang mesti dikembalikan bagi membolehkan kerja-kerja melombong dapat diteruskan. Wujudlah kesepakatan dan kesepadan di kalangan pemilik lombong, para perkerja, pasukan polis dan pihak berkuasa untuk merancang sesuatu sistem pertahanan yang berkesan bagi mengelakkan gangguan pengganas komunis.

Perbincangan dari semua kalangan dilakukan. Mereka merancang begitu rapi tentang bagaimana untuk melaksanakan sistem pertahanan itu supaya ia benar-benar berkesan. Lakaran pelan pos pertahanan dibuat dengan begitu sistematik sesuai dengan kepakaran yang ada ketika itu. Lokasi pos pertahanan juga ditentukan dengan begitu berhati-hati supaya dapat memenuhi matlamatnya iaitu menghalang pengganas melakukan serangan ataupun menyeludup masuk. Ini bermakna pos pertahanan mesti ditempatkan di setiap penjuru kawasan perlombongan.

Pembahagian tugas dilakukan di antara mereka supaya tugas-tugas dapat dilaksanakan dengan sempurna. Pembinaan pos pertahanan di sekeliling lombong dilakukan dengan kerjasama semua pihak. Pada masa pembinaan ini pihak polis melakukan pengawalan di sekeliling lombong untuk menjamin keselamatan. Dengan kerjasama semua pihak pembinaan pos pertahanan dapat disiapkan dalam jangkamasa yang singkat.

Mengikut data yang ada dalam filem itu terdapat sebanyak 324 buah lombong di kawasan Lembah Kinta dengan keluasan lebih kurang 1000 batu persegi. Ia merupakan satu kawasan yang sungguh luas. Untuk mengawal kawasan yang begitu besar sebanyak 1526 orang diperlukan untuk ditempatkan di 160 pos pertahanan di sekeliling kawasan perlombongan.

Untuk menjalankan tugas menjaga keselamatan, petugas yang cekap dan berkemahiran diperlukan. Oleh yang demikian pihak berkuasa dan juga pasukan polis mengambil para pekerja yang sanggup menjalankan tugas secara sukarela. Mereka ini terdiri daripada orang Melayu, Cina dan India. Tanpa mengira bangsa dan keturunan mereka sanggup menerima tugas demi menjaga keselamatan lombong walaupun pada hakikatnya kebanyakan pemilik dan pekerja lombong adalah terdiri daripada keturunan Cina.

Calon-calon yang bakal menjadi pengawal lombong itu melalui ujian-ujian tertentu termasuk ujian ketahanan fizikal dan kesihatan untuk memastikan kesesuaian ketika menjalankan tugas kelak. Mereka yang layak akan menjalani beberapa latihan fizikal dan juga kemahiran menggunakan senjata api. Pasukan polis dan juga bekas tentera memainkan peranan penting melatih mereka hingga ke tahap yang ditetapkan dan difikirkan mampu melaksanakan tugas berat itu.

Walaupun dalam serba kekurangan namun latihan dijalankan dengan bersungguh-sungguh. Latihan dijalankan di estet-estet getah, balai polis dan juga kelab orang-orang Eropah di Tanah Melayu. Setelah mereka selesai menjalankan latihan dan dibekalkan dengan kemahiran menggunakan senjata, mereka dikerah melakukan kawalan di persekitaran lombong. Dengan adanya pengawalan sedemikian keadaan lombong kembali tenang

dan keselamatan terjamin. Aktiviti melombong dapat diteruskan seperti biasa dan boleh dilaksanakan dengan lebih sempurna.

Objektif filem ini ialah untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada para pencetus idea yang mencipta satu sistem pertahanan yang sungguh berkesan hingga boleh mengawal persekitaran lombong daripada ancaman pengganas komunis. Sistem itu mampu mengatasi strategi yang dirancang oleh pengganas. Ianya tergambar sepetimana prolog yang terdapat dalam filem itu.

"A Malayan Film Unit (MFU) Production made grateful recognition of men of all races and communities in Malaya who in face of planned terrorism, produced a better plan in defence of vital industry and their country's freedom and made it work."

Setelah mengkaji filem ini didapati objektifnya untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada orang-orang yang telah berjaya mencipta sistem pertahanan itu memang tercapai. Setiap orang yang meneliti filem itu memang berbangga dengan kejayaan itu kerana bukanlah satu perkara yang mudah untuk menghasilkan sesuatu idea kreatif yang mampu mengatasi satu masalah yang amat besar. Kesannya sungguh memuaskan kerana dengan terhalangnya gangguan pengganas aktiviti perlombongan dapat diteruskan.

Dalam filem ini terdapat satu epilog yang menggambarkan kejayaan sistem pertahanan itu. Pelombong boleh melaksanakan tugas dengan sempurna tanpa rasa takut atau terancam.

"Strategy is never permanent. But whatever the future holds, one fact stands unchallanged. The Mines Defence Scheme worked. The output rose. Try as the terrorist might, men were no longer afraid."

Filem dokumentari ini adalah sebuah filem dokumentari biasa yang berbentuk naratif. Gambar dipersembahkan dan disokong dengan naratif yang mantap membolehkan penonton memahami mesej yang disampaikan. Filem ini tidak banyak menggunakan teknik yang pelbagai. Pengkaji hanya berjaya mengesan teknik *cut* dan *dissolve* sahaja digunakan untuk penukaran dari satu *scene* ke satu *scene* yang lain. Namun begitu penonton tidak merasa jemu kerana penukaran gambar dilakukan dengan cepat (*fast cut*). Ini membuatkan mata penonton terpaku dan mahu terus menontonnya.

Di samping penggunaan gambar biasa filem dokumentari ini juga menggunakan beberapa teknik pergerakan animasi. Teknik ini digunakan untuk menunjukkan lokasi pos pertahanan yang ditempatkan di sekeliling lombong dan juga bagaimana sistem kawalan itu dijalankan. Dengan adanya penggunaan teknik animasi ini lebih memberi kefahaman kepada penonton dan sekaligus tidak menjemukan mereka.

Memandangkan filem dokumentari ini diterbitkan pada tahun 1949 dan pada ketika belum ada peralatan canggih untuk penjanaan grafik animasi yang hebat, penggunaan teknik animasi yang digunakan dalam filem ini menunjukkan satu kejayaan besar pada filem tersebut. Usaha bersungguh-sungguh para tenaga produksi filem itu semestinya diberi pujian. Sesungguhnya teknik animasi itu menghidupkan lagi filem tersebut.

Kandungan Nilai nasional

Terdapat dua jenis nilai nasional yang boleh dikaitkan dengan dokumentari *The Kinta Story* ini iaitu **perpaduan** dan **patriotisme**. Nilai **perpaduan** dapat dilihat dengan nyata sekali apabila individu dari pelbagai kaum menyertai pasukan pengawal kawasan lombong. Kaum yang paling ramai menyertai pasukan itu ialah kaum Cina dan Melayu. Walaupun kebanyakan lombong dimiliki oleh tauke-tauke Cina namun orang Melayu bersedia dengan sepenuh hati menyumbangkan tenaga dengan menyertai pasukan kawalan tersebut. Mereka boleh bekerjasama dengan baik tanpa mengira keturunan dengan satu matlamat iaitu menentang pengganas komunis.

Dalam prolog filem dokumentari ini terdapat petikan ayat yang menunjukkan dengan nyata bahawa aspek **perpaduan** sudah wujud pada tahun 1940an lagi. Sebahagian daripada prolog itu berbunyi ;

..... A Malayan Film Unit Production make
grateful recognition of men of **all races and**
communities in Malaya

Petikan *men of all races and communities* sudah nyata menggambarkan bahawa soal **perpaduan** adalah satu elemen penting pada zaman itu. **Perpaduan** sudah wujud dan merupakan asas penting ke arah satu masyarakat harmoni pada ketika kebangkitan rakyat Tanah Melayu untuk menuntut kemerdekaan. **Perpaduan** yang kukuh itulah membolehkan perjuangan menentang pengganas komunis dan penajah menjadi lebih mantap dan bersepada.

Satu lagi **nilai nasional** yang dapat dikutip daripada filem dokumentari ini ialah **patriotisme**. Ini tergambar apabila orang ramai daripada pelbagai golongan pekerjaan menawarkan diri untuk menyertai pasukan pengawal lombong itu datang secara sukarela. Mereka sudi menyumbangkan tenaga tanpa perlu dipaksa. Ini tergambar dalam satu latarkata yang berbunyi ;

"Instructors, member of guerilla forces, the army, men of many works of life came from all communities volunteering without waiting to be asked."

Apabila mereka berjaya mengawal kawasan perlombongan daripada ancaman komunis sudah semestinya kerja melombong dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Ini sudah tentunya akan mendatangkan hasil kepada negara dan rakyat akan turut merasa kemakmurannya. Nyata sekali perasaan **patriotisme** ini ditunjukkan dengan secara tidak langsung.

Ancaman komunis juga boleh mengancam keselamatan dan keadaulatan negara. Memang menjadi hasrat pengganas komunis untuk memerintah negara ini. Oleh yang demikian rakyat yang menyertai pasukan pengawal lombong sedikit sebanyak dapat menolong membantutkan perjuangan komunis. Sekali lagi semangat **patriotisme** dapat ditonjolkan. Dapatlah disimpulkan bahawa filem dokumentari *The Kinta Story* ini boleh dikaitkan dengan **nilai nasional** yang dibincangkan dalam kajian ini.

5.2.1.2 Filem Dokumentari " Before The Wind "

Latarbelakang dan bentuk filem

Filem ini diterbitkan pada tahun 1953. Ia masih berada dalam lingkungan skop kajian era pra-merdeka (1947 - 1956). Filem ini dihasilkan dalam bentuk hitam putih dan dalam format 35 serta 16 mm. Filem *Before The Wind* ini mempunyai jangka tayangan sepanjang 20 minit. Dokumentari ini dihasilkan dalam empat versi bahasa iaitu bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil.

Filem dokumentari ini boleh dianggap sebagai salah sebuah filem dokumentari yang terbaik pada zamannya kerana pernah memenangi anugerah di festival filem antarabangsa. Mengikut rekod yang tersimpan di Filem Negara Malaysia (FNM), filem dokumentari ini menyertai Festival Filem

Asia di Tokyo, Jepun pada tahun 1954 dan juga Festival Filem Edinburg pada tahun yang sama.

Dua anugerah telah dirangkul iaitu hadiah *Golden Harvest* beserta sijil-sijil kerana diiktiraf sebagai filem dokumentari yang mempunyai perancangan terbaik dan fotografi terbaik bagi filem bukan drama. Filem ini juga dijangka mempunyai beberapa **nilai nasional** yang sesuai dan bertepatan dengan keadaan semasa penerbitannya iaitu pada tahun 1953.

Sinopsis Filem

Filem ini mengisahkan kesusahan para nelayan yang hidup kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Kemiskinan menghimpit kehidupan mereka. Hutang pula keliling pinggang dan amat sukar untuk membayar balik. Semakin lama semakin banyak hutang mereka. Mereka berhutang bukan kerana suka-suka tetapi untuk sesuap nasi demi menyara keluarga.

Dokumentari ini menggunakan seorang pemegang watak utama iaitu Abu Bakar yang menjadi nelayan di laut Terengganu. Beliau rajin ke laut tetapi disebabkan oleh peralatan penangkapan ikan amatlah daif jadi hasil tangkapannya juga terlalu sedikit. Pendapatan yang sedikit itu kadang-kadang tidak pun cukup untuk menampung perbelanjaan keluarga dan disebabkan itulah mereka terpaksa berhutang.

Kerajaan pada ketika itu mengambil inisiatif untuk membantu para nelayan seperti Abu Bakar. Satu agensi telah ditubuhkan yang diberi nama *Rural and Industrial Development Authority (RIDA)* atau Lembaga Kemajuan Perusahaan Kampung berusaha membantu para nelayan. Mereka diberi bantuan untuk mendapatkan bot yang menggunakan enjin. Dengan adanya bot yang lebih moden membolehkan mereka mencari tempat baru untuk menangkap ikan tanpa mengharapkan tiupan angin semata-mata untuk membawa bot mereka ke tengah lautan.

Dengan pembaharuan itu Abu Bakar dan para nelayan lain memperoleh hasil yang lebih lumayan. Dengan hasil yang lebih membolehkan mereka melangsaihan hutang piutang kepada orang perseorangan dan juga kepada RIDA. Penerimaan pembaharuan tersebut bermakna para nelayan mempunyai masa depan yang lebih gemilang.

Olahan filem

Walaupun tajuknya dalam bahasa Inggeris namun penyampaiannya dilakukan dalam bahasa Melayu. Dokumentari ini seakan-akan berbentuk dokudrama kerana ia menggunakan beberapa watak yang melakonkan babak-babak tertentu. Namun begitu pengkaji berpendapat bahawa ia bukan sepenuhnya dokudrama kerana dialog yang diucapkan tidak diperdengarkan.

Peranan penyampai (*narrator*) adalah amat penting kerana penyampailah yang menceritakan segala babak-babak yang berlaku dalam filem itu.

Plot dokumentari ini bermula dengan memaparkan kesusahan hidup para nelayan di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu. Dokumentari ini menggunakan satu watak utama iaitu seorang nelayan bernama Abu Bakar. Abu Bakar dan para nelayan lain menangkap ikan secara tradisional dengan menggunakan bot dan perahu layar yang sudah uzur dan usang. Para nelayan terpaksa menggunakan tenaga empat kerat untuk mendayung ke tempat menangkap ikan di samping mengharapkan tiupan angin menolak layar perahu mereka.

Disebabkan pelbagai kedaifan itu menyebabkan hasil pendapatan mereka terlalu kecil hingga sukar untuk menampung perbelanjaan keluarga. Tidak ada jalan lain selain daripada berhutang kepada tauke-tauke ikan. Tauke-tauke itu merupakan orang tengah yang sentiasa memeras para nelayan yang sentiasa dihimpit kemiskinan. Hutang mereka bertambah-tambah dan hidup mereka semakin susah. Ini tidak terkecuali kepada Abu Bakar. Dia juga menghadapi nasib yang sama.

Pada suatu hari satu majlis ceramah dianjurkan oleh RIDA di kawasan perkampungan nelayan tersebut. Abu Bakar yang mendengar berita itu

bergegas ke tempat ceramah bersama-sama nelayan lain untuk mendengar maklumat yang disampaikan. Ternyata ia amat memberi manfaat.

Pegawai RIDA itu memaklumkan bahawa RIDA akan membantu para nelayan sehingga mereka boleh berdikari, mempunyai bot serta pukat sendiri dan seterusnya membebaskan diri daripada bebanan hutang. Pegawai RIDA itu menggesa para nelayan mengambil peluang keemasan itu untuk membolehkan mereka memperbaiki cara menangkap ikan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup masing-masing.

Abu Bakar tidak melepaskan peluang keemasan yang mungkin hanya datang sekali sahaja dalam hidupnya. Beliau mengisi borang untuk meminjam wang daripada RIDA bagi membolehkannya membina sebuah bot yang berenjin. Setelah pinjamannya diluluskan Abu Bakar menempah sebuah bot besar kepada seorang tukang bot. Beliau kerap kali berkunjung ke tempat pembinaan bot itu untuk melihat sendiri kemajuan pembinaannya. Beliau kelihatan begitu tidak sabar sekali untuk melihat botnya disiapkan dengan cepat.

Selang beberapa ketika bot berenjin itu pun siap dibina. Upacara menurunkan bot ke laut dilakukan secara besar-besaran. Satu temasya hebat diadakan dengan menjemput seluruh orang kampung dan tetamu-

tetamu kehormat termasuklah pegawai dari RIDA, pegawai kerajaan dan lain-lain lagi. Acara kebudayaan turut menyerikan majlis. Paluan kompong dan tarian tradisional dipersembahkan. Suasana begitu meriah sekali. Orang yang paling gembira sekali ialah Abu Bakar kerana botnya bakal diturunkan ke laut. Sudah terbayang di wajahnya masa depan yang lebih gemilang.

Bot yang telah diturunkan ke laut sudah bersedia untuk menaburkan baktinya kepada Abu Bakar dan para nelayan lain. Bot besar berenjin itu digunakan untuk menarik bot-bot dan perahu kecil kepunyaan nelayan lain ke tempat penangkapan yang baru. Mereka semua tidak perlu lagi menunggu angin untuk menolak layar perahu mereka ke tengah lautan. Mereka boleh ke laut "sebelum angin datang". Di sinilah rasionalnya tajuk yang digunakan untuk filem dokumentari ini iaitu "**Before The Wind**".

Ternyata sekali lokasi baru menangkap ikan para nelayan itu membawa hasil yang lebih banyak. Mereka semua amat gembira kerana pendapatan mereka sudah bertambah. Mereka tidak lagi bergantung kepada orang tengah malah segala hutang mereka mampu dilangsaikan. Pinjaman Abu Bakar daripada RIDA yang digunakan untuk membuat bot berenjin itu dapat dijelaskan dalam jangka masa yang ditetapkan.

Demikianlah satu kisah yang dipaparkan mengenai kesusahan hidup para nelayan yang dibelenggu kemiskinan. Mereka hidup dalam serba serbi kekurangan. Namun begitu oleh sebab mereka diberi bantuan oleh RIDA dan mereka sendiri sanggup menerima pembaharuan dan komodenan akhirnya mereka mengecap nikmat kesenangan. Seperti yang terlakar dalam satu ayat dalam latarkata di akhir dokumentari;

" Masa yang susah payah bagi kami sudah habis. Tiap-tiap orang berasa syukur dan sayalah (Abu Bakar) yang suka sekali. "

Audien sasaran filem ini ialah para nelayan yang mengamalkan penangkapan ikan secara tradisional. Filem dokumentari ini mempunyai objektif untuk memaklumkan kepada khalayak nelayan ketika itu supaya menerima pembaharuan yang dibawa oleh RIDA. Dengan mengubah cara penangkapan ikan kepada yang lebih moden para nelayan mampu memperolehi pendapatan yang lebih lumayan.

Walaupun pada tahun 1953 televisyen belum lagi wujud namun filem-filem terbitan *MFU* dapat ditayangkan kepada umum melalui tayangan bergerak yang dijalankan oleh Jabatan Penerangan Malaya. Dengan cara itu mesejnya sampai kepada audien sasaran yang ditentukan.

Filem dokumentari ini adalah sebuah filem dokumentari yang berbentuk separuh dokudrama. Pelakon digunakan tetapi dialog tidak

diperdengarkan. Gambar yang dipersembahkan disokong dengan naratif menceritakan urutan peristiwa yang berlaku mengikut turutan plotnya. Teknik penyampaian yang kadang-kadang menggunakan bahasa yang seakan-akan dialog menjadi satu tarikan kepada filem ini. Bahasa yang bersahaja tetapi mempunyai mesej yang berkesan kepada penonton.

Dari segi sinematografinya, filem dokumentari **Before The Wind** ini sama seperti filem **The Kinta Story**, tidak banyak menggunakan teknik yang pelbagai. Teknik *cut*, *dissolve* dan *pan* digunakan untuk penukaran dari satu *scene* ke satu *scene* yang lain. Namun begitu teknik *tracking* digunakan ketika penggambaran di laut iaitu *tracking* ketika bot sedang belseyar. Teknik ini menambahkan lagi cantiknya filem ini.

Kandungan Nilai nasional

Setelah menonton berulang-ulang kali dan pengamatan dilakukan, pengkaji merumuskan bahawa tiga nilai nasional yang menghampiri maksud nilai nasional yang telah dibincangkan dalam bab 3. Ketiga-tiga nilai itu ialah **pembangunan diri dan keluarga, unsur kebudayaan dan perpaduan sesama kaum**.

Jika sebelum ini nilai nasional yang ditentukan ialah pembangunan negara namun dalam konteks filem dokumentari **Before The Wind** ini pengkaji boleh menyatakan bahawa terdapat satu unsur penting iaitu unsur

pembangunan diri dan keluarga. Ini dapat digarapkan daripada watak Abu Bakar, seorang nelayan miskin yang serba daif dalam kehidupannya.

Abu Bakar sudi menerima pembaharuan dengan meminjam wang daripada RIDA untuk membina sebuah bot berenjin. Dengan menggunakan bot berenjin ini membolehkan dia mencari tempat menangkap ikan yang baru dan sekaligus menambah pendapatannya. Ini dengan secara tidak langsung menunjukkan bahawa Abu Bakar telah berjaya melakukan satu pembangunan terhadap diri dan juga terhadap keluarganya.

Pembangunan diri dan keluarga adalah satu nilai terpenting bertujuan untuk meningkatkan taraf penghidupan. Tambahan pula pada zaman tahun 1950an keadaan sosio-ekonomi penduduk masih berada pada tahap rendah kerana negara masih dijajah dan program-program pembangunan amatlah sedikit sekali dilaksanakan. Abu Bakar mengambil langkah yang tepat dengan merebut peluang yang ada dan akhirnya membuatkan sesuatu yang amat bermakna kepada dirinya mahupun keluarga.

Satu lagi nilai nasional yang dapat dikutip dari filem itu ialah unsur **kebudayaan**. Ini dapat dilihat semasa upacara menurunkan bot berenjin kepunyaan Abu Bakar ke laut. Tarian kebudayaan dipersembahkan dengan diiringi oleh paluan kompong. Nyanyian lagu-lagu tradisional juga tidak

ditinggalkan dalam majlis tersebut. Ini menunjukkan bahawa pada zaman 1950an pun soal-soal kebudayaan tidak pernah dikesampingkan. Kebudayaan merupakan satu elemen dalam kehidupan manusia bermasyarakat.

Pengkaji juga dapat menggarap satu lagi nilai nasional yang terdapat dalam filem dokumentari ini. Nilai yang dimaksudkan itu ialah **perpaduan** semasa kaum. Filem ini berlatarbelakangkan keluarga nelayan di Terengganu. Oleh yang demikian komunitinya adalah terdiri daripada kaum Melayu. Perpaduan sesama kaum jelas sekali kelihatan semasa Abu Bakar menggunakan bot berenjinnya untuk menarik perahu-perahu kepunyaan orang lain ke tempat menangkap ikan di tengah lautan. Jelas beliau tidak mementingkan diri sendiri malah sudi membantu orang lain.

Di samping itu perpaduan juga begitu menonjol terutama semasa proses menangkap ikan dijalankan di tengah lautan. Kesemua mereka bersatu padu menurunkan pukat untuk menangkap ikan dan seterusnya bekerjasama pula menaikkan pukat ke atas bot. Di dalam bot pula kerja-kerja mengeluarkan ikan dari pukat juga dilakukan bersama-sama. Tegasnya perpaduan sesama kaum terpapar dengan jelas sekali.

Sebagai rumusan bolehlah dinyatakan bahawa filem dokumentari *Before The Wind* ini ada kaitannya dengan nilai nasional yang dibincangkan. Walaupun nilai nasional yang terdapat dalam filem ini tidak seratus peratus sepertimana nilai nasional yang ditetapkan namun boleh disimpulkan bahawa filem-filem yang diterbitkan oleh MFU mempunyai mesej yang ingin disampaikan kepada masyarakat.

5.2.1.3 Filem Dokumentari " Padi Kunca " (Hassan's Home Coming)

Latarbelakang dan bentuk Filem

Filem ini diterbitkan pada tahun 1954. Ia masih berada dalam lingkungan skop kajian era pra-merdeka (1947 - 1956). Filem ini dihasilkan dalam bentuk hitam putih dan dalam format 35 serta 16 mm. Filem dokumentari **Padi Kunca** ini mempunyai jangka masa tayangan sepanjang 20 minit. Ia diterbitkan dalam empat versi bahasa iaitu bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil.

Seperti filem *Before The Wind* filem ini boleh dianggap sebagai salah sebuah filem dokumentari yang terbaik pada zamannya kerana pernah memenangi anugerah di festival filem antarabangsa. Setelah penelitian dibuat pada rekod yang tersimpan di Filem Negara Malaysia (FNM), filem

dokumentari ini pernah menyertai Festival Filem Asia Tenggara pada tahun 1955 dan memenangi anugerah filem dokumentari terbaik.

Ini merupakan satu anugerah yang amat dibanggakan kerana semasa zaman penerbitannya tidak ada peralatan yang begitu canggih untuk menghasilkan filem. Filem ini masih ada dalam simpanan FNM dan dijangka mempunyai beberapa nilai nasional yang sesuai dan bertepatan dengan keadaan semasa penerbitannya iaitu dalam tahun 1954.

Sinopsis Filem

Filem ini membawa kisah mengenai kehidupan keluarga penanam padi yang miskin dan ditindas oleh orang kaya dengan mengamalkan satu sistem yang diberi nama "**Padi Kunca**". Para petani yang memerlukan wang terpaksa meminjam daripada para pemberi pinjam itu dan perlu membayar dengan padi apabila sampai musim menuai.

Pembayaran balik itu sudah semestinya membebankan petani kerana mereka perlu membayar dengan nilai yang lebih daripada jumlah yang dipinjam. Amalan **Padi Kunca** ini menyebabkan petani bertambah miskin kerana hasil padi yang tidak seberapa digunakan pula untuk menyelesaikan hutang piutang.

Dalam filem dokumentari ini dikisahkan penubuhan syarikat kerjasama yang bertujuan membantu para petani mendapatkan bantuan kewangan. Pinjaman tersebut diuruskan dengan sistem yang sempurna dan tidaklah begitu membebankan para petani. Tujuan penubuhan syarikat kerjasama bukanlah mementingkan sangat soal keuntungan tetapi bertujuan memberi bantuan kepada para petani dan seterusnya meringankan bebanan mereka yang rata-ratanya miskin.

Olahan filem

Selain menggunakan tajuk **Padi Kunca** filem ini juga menggunakan tajuk dalam bahasa Inggeris iaitu *Hassan's Home Coming*. Nama Hassan digunakan kerana ia merupakan watak utama dalam filem ini di samping watak-watak yang lain. Dokumentari ini seakan-akan berbentuk dokudrama kerana ia menggunakan beberapa watak yang melakonkan babak-babak tertentu.

Pengkaji merumuskan demikian kerana walaupun watak digunakan namun dialog daripada pelakon tidak diutarakan. Hanya yang kelihatan dalam visual ialah gerak-gerak mulut para pemegang watak. Penyampailah yang memainkan peranan utama menceritakan urutan kisah yang berlaku dari awal hingga akhir. Oleh yang demikian ia bukanlah sepenuhnya dokudrama tetapi boleh dikatakan sebagai semi-dokudrama.

Plot dokumentari ini dimulakan dengan menggambarkan watak Hassan yang dalam perjalanan pulang ke kampung dengan menggunakan keretapi. Dia sebelum ini berkhidmat sebagai Mata-Mata Khas di bandar. Setibanya di kampung dia amat terkejut kerana didapati bapanya sedang terlantar sakit. Orang kampung hanya menggunakan khidmat bomoh untuk menyembuhkan sakit bapanya.

Hassan ingin memanggil doktor namun dimarahi oleh saudara mara dan orang-orang kampung kerana kata mereka bayaran yang dikenakan adalah terlalu mahal. Tok bomoh pun memarahi Hassan kerana katanya dia mampu mengubati sakit bapa Hassan itu, tidak perlu panggil doktor. Namun begitu Hassan berkeras dan memanggil doktor. Sayang sekali apabila doktor sampai ke rumahnya, ayah Hassan sudah meninggal dunia. Mesej yang diperolehi di sini ialah kesedaran mengenai perubatan moden sudah wujud di jiwa Hassan.

Setelah bapa Hassan meninggal dunia kaum keluarganya bergaduh sesama sendiri mengenai pembahagian tanah. Hassan merasa tidak tenteram dan bertekad untuk merantau kembali ke bandar. Namun begitu hasratnya dibatalkan kerana pujukan daripada adik perempuannya. Dia kasihankan adik perempuannya itu yang tinggal di kampung.

Hassan ingin mengusahakan sawah peninggalan ayahnya yang sedikit itu. Namun ada sesuatu perkara yang mengganggunya. Ada orang datang menagih hutang ayahnya yang berjumlah RM600.00. Bayangkanlah betapa besarnya hutang tersebut. Pada zaman tahun 1950an RM600.00 adalah satu jumlah yang cukup besar. Hassan terpaksa membayar hutang tersebut walaupun duitnya habis digunakan untuk tujuan itu. Setelah itu Hassan mengajak semua kaum keluarganya bekerja bersama-sama di sawah untuk memperolehi pendapatan yang lebih lumayan.

Bila pokok padi sudah mula membesar ia memerlukan baja untuk kesuburannya. Hassan tidak mempunyai cukup wang untuk tujuan itu. Dia memohon pinjaman daripada Pak Haji Dollah namun tidak berjaya kerana katanya ayah Hassan masih ada hutang dengannya sebanyak RM50.00. Hassan tidak mempunyai wang untuk melangsakan hutang itu. Dia terpaksa menggunakan padi yang ada untuk membayar hutang tersebut. Itulah yang dikatakan **Padi Kunca**, padi digunakan untuk membayar hutang.

Hassan ditimpa malang lagi. Ibunya pula sakit. Adik Hassan memanggil doktor untuk mengubatinya. Doktor memberitahu bahawa ibunya mengalami penyakit lemah darah kerana kurang zat makanan yang baik. Dia perlu makan ubat untuk memperbaiki keadaan kesihatannya. Hassan tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk membeli makanan yang berzat dan

ubat-ubat yang diperlukan. Satu cara untuk mendapatkan wang ialah dengan cara berhutang kepada orang yang berada. Hassan berfikir dua kali sebelum berhutang kerana dia tahu dia perlu membayar dengan padi apabila musim menuai tiba nanti. Sudah tentu membebankannya kerana perlu membayar dengan padi yang lebih.

Untuk menghilangkan rasa buntu fikirannya dia keluar dari rumah. Di tengah perjalanan Hassan terserempak dengan Tok Penghulu. Tok Penghulu kehairanan melihat muka Hassan yang kusut masai. Sebagai orang tua dia faham bahawa Hassan mempunyai masalah. Tok Penghulu bertanya kepada Hassan dan dia pun menceritakan masalah dirinya kepada Tok Penghulu.

Tok Penghulu sebagai seorang ketua yang bertanggungjawab cuba menolong meringankan bebanan anak buahnya. Dia memberitahu Hassan bahawa terdapat satu syarikat kerjasama yang baru ditubuhkan di kampung itu. Syarikat kerjasama tersebut boleh memberi pinjaman dan pengurusannya adalah lebih sistematik. Bayaran balik juga diuruskan dengan baik, tidak membebankan peminjam dan yang lebih penting lagi ialah syarikat kerjasama itu tidak menindas orang yang memerlukan bantuan seperti Hassan.

Dengan tidak membuang masa Hassan mengikut nasihat Tok Penghulu. Dia terus menjadi ahli syarikat kerjasama itu dan boleh meminjam

dan membayar balik dengan lebih selesa dan tidak melibatkan pembaziran kepada hasil padinya. Duit pinjaman itu digunakan dengan sebaik mungkin iaitu untuk sawah padi dan juga untuk kesihatan keluarganya. Dengan penjagaan yang baik sawah padinya menghasilkan pulangan yang lebih lumayan.

Apabila sampai musim menuai Hassan dan keluarganya sama-sama menjalankan tugas tersebut. Orang-orang kampung juga tidak ketinggalan memberi bantuan kepada mereka. Semangat kerjasama dan bantu membantu begitu jelas kelihatan apabila mereka beramai-ramai menuai, membanting dan melerai padi. Di samping itu digambarkan mereka memasak secara beramai-ramai dan makan juga beramai-ramai.

Diperlihatkan Hassan mendapat hasil padi yang begitu banyak daripada usahanya yang gigih. Hasil padinya diangkut dengan lori yang dimiliki oleh syarikat kerjasama. Hassan mendapat pendapatan yang lumayan. Dia menggunakan untuk membayar hutang, berbelanja untuk keluarganya dan sebahagiannya disimpan dalam syarikat kerjasama untuk kegunaan masa depan.

Mesej utama yang dibawa oleh filem dokumentari ini ialah mahu mengajak masyarakat ketika itu supaya menyertai syarikat kerjasama.

Dengan menjadi ahli kepada syarikat kerjasama tersebut akan boleh memberi bantuan kepada ahli terutamanya hal-hal yang berkaitan dengan kewangan. Dengan itu hidup mereka akan bebas daripada tekanan orang kaya dan juga bebas dari penindasan.

Kandungan Nilai nasional

Perbincangan diteruskan kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan nilai nasional yang sebenarnya menjadi fokus kepada kajian ini. Setelah melakukan analisis dan pengamatan yang teliti pengkaji dapat merumuskan bahawa terdapat dua nilai nasional yang menghampiri maksud nilai nasional yang telah dibincangkan dalam bab 3. Kedua-dua nilai itu ialah **pembangunan mental** serta **pembangunan masyarakat** dan **perpaduan sekampung**.

Pembangunan dari segi mental dapat dilihat pada babak di mana Hassan memanggil doktor untuk mengubati bapanya yang sakit. Walaupun orang kampung masih percaya seratus peratus kepada bomoh namun Hassan membawa satu pembaharuan kepada masyarakat iaitu perubatan moden. Ini menunjukkan bahawa mental mereka sudah mula berubah dan mahu menerima sesuatu yang baru.

Dengan adanya perubahan ini akan menghasilkan masyarakat yang lebih sihat dan hidup lebih berkualiti. Masyarakat yang sihat akan dapat

melaksanakan tugas-tugas dengan lebih baik dan lebih sempurna. Hasilnya sudah tentulah akan meningkatkan produktiviti dan menjanjikan kemakmuran kepada masyarakat keseluruhannya.

Satu lagi nilai nasional yang begitu ketara sekali yang dipaparkan ialah nilai **perpaduan masyarakat** atau **perpaduan sekampung**. Ia dipaparkan dengan begitu jelas melalui visual yang menunjukan ramai orang kampung melakukan kerja-kerja sawah bersama-sama. Sikap tolong menolong dan bantu membantu begitu erat tidak kira sama ada sawah yang dikerjakan itu kepunyaaan keluarga sendiri ataupun kepunyaan orang lain.

Apabila tiba giliran sawah orang lain pula yang hendak diusahakan mereka beramai-ramai menghulurkan tenaga memberi bantuan. Hasilnya kerja yang berat dapat diringankan, kerja yang susah dapat dipermudahkan dan masa yang diambil untuk menyiapkannya pun menjadi singkat. Begitulah pentingnya wujud semangat **perpaduan** di kalangan masyarakat yang membawa hasil yang sungguh baik.

Semangat **perpaduan** dan kerjasama erat bukan sahaja kelihatan semasa proses permulaan sawah dikerjakan malah lebih ketara apabila musim menuai tiba. Visual yang dipaparkan menunjukan semua orang kampung bersama-sama menuai, membanting dan melerai padi. Ada pula

sekumpulan orang yang tugasnya memasak beramai-ramai dengan menggunakan kawah. Setelah siap kelihatan mereka makan beramai-ramai dalam suasana yang sungguh mesra dan harmoni.

Dalam filem dokumentari **Padi Kunca** ini juga dipaparkan mengenai penubuhan sebuah syarikat kerjasama yang fungsinya memberi bantuan kepada para pesawah. Melalui syarikat kerjasama itu para petani boleh menyimpan wang mereka untuk kegunaan masa depan. Mereka juga boleh meminjam wang jika memerlukan dengan pengurusan yang sistematik dan tidak membebankan para petani.

Kewujudan syarikat kerjasama itu menunjukkan bahawa terdapat semangat **perpaduan** yang kukuh di kalangan masyarakat di kala itu. Mereka saling bantu membantu untuk mewujudkan suasana kehidupan yang lebih bermakna dan lebih harmonis. Ini terbukti dengan satu latarkata yang dikutip daripada filem itu yang berbunyi seperti dilakarkan di bawah ini.

" Benarlah kata orang tua-tua muafakat itu
berkat, bersatu itu kuat dan maju. Sekarang
kami merdeka dan bebas. Bebas dari
hutang. "

Daripada kajian yang dilakukan nyatalah bahawa filem dokumentari **Padi Kunca** ini membawa mesej yang penting daripada pemerintah kepada

masyarakat keseluruhannya. Nilai **perpaduan** dan **pembangunan masyarakat** begitu jelas dipaparkan di mana nilai-nilai itu adalah **nilai-nilai nasional** yang dibincangkan dan menjadi fokus kepada kajian ini.

5.2.2 Era Merdeka (1957 - 1966)

Rundingan merdeka telah diadakan di London mulai 18 haribulan Januari hingga 6 Februari 1956. Wakil-wakil Perikatan dan wakil-wakil Raja Melayu bersatu memperjuangkan kemerdekaan. Mereka menuntut satu Persekutuan Tanah Melayu yang berpemerintahan sendiri dan merdeka sepenuhnya. Hasil rundingan di London itu, kerajaan British bersetuju memberi kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 (Nazarudin M. Jali, Ismail M. Rashid & Nurazmi Kuntum, 1992 : 82).

Setelah mencapai kemerdekaan penduduk Tanah Melayu dapat mengecap kebebasan dan pembangunan di bawah pemerintahan tersendiri. Melalui perlembagaan sendiri penduduk di Tanah Melayu dapat mengatur sistem pemerintahan bagi merancang pembangunan negara.

Walau bagaimanapun negara ketika itu masih belum begitu stabil dari segi keselamatan dan keamanan. Pihak komunis masih mengancam dan selalu melakukan kekacauan. Undang-undang darurat hanya diisytharkan

tamat pada 31 Julai 1960 apabila Parti Komunis Malaya semakin hilang pengaruhnya (Asnarulkhadi Abu Samah & Jayum A. Jawan, 1997:35).

Dalam era ini juga tertubuhnya Malaysia. Sejarahnya bermula apabila YTM Tunku Abdul Rahman mengemukakan idea penubuhan Malaysia yang terdiri daripada Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei. Cadangan ini disokong oleh Kerajaan British memandangkan ia akan menyekat perkembangan pengaruh komunis di Singapura dan wilayah-wilayah Borneo serta dapat melindungi pelaburan British di kawasan – kawasan berkenaan (Ranjit Singh Malhi, 1988 : 30).

Laporan Suruhanjaya Cobbold yang diterbitkan pada 1 Ogos 1962 mengesahkan bahawa kira-kira 80% rakyat Sabah dan Sarawak menyokong penubuhan Malaysia. Kerajaan Singapura pula telah mengadakan satu referendum pada 1 September 1962. Lebih 70% pengundi menyokong penyertaan Singapura ke dalam Malaysia. Malaysia ditubuhkan secara rasmi pada 16 haribulan September 1963 tanpa penyertaan Brunei (Ranjit Singh Malhi, 1988 : 30).

Berlatarbelangkaan sejarah dalam era itu maka sebanyak tiga buah filem dipilih untuk dianalisis. Ketiga-tiga filem itu ialah **Kemerdekaan Malaya**, **Dugaan Negara** dan **Kelahiran Malaysia**.

5.2.2.1 Filem Dokumentari " Kemerdekaan Malaya "

Latarbelakang dan bentuk filem

Filem dokumentari pertama yang telah dipilih secara rawak ialah filem **Kemerdekaan Malaya**. Filem ini dipilih kerana peristiwa menyambut kemerdekaan adalah satu detik sejarah yang amat penting kepada negara. Detik itu menandakan tamatnya penjajahan Inggeris di Tanah Melayu dan bermula dari saat itu rakyat negara ini sendirilah yang akan menentukan untung nasib dan masa depan negara mereka.

Filem ini diterbitkan dalam tahun 1957. Panjang masa tayangannya ialah lebih kurang 40 minit. Ia dihasilkan dalam format 16 dan 35 mm dan berbentuk hitam putih. Filem ini dibuat dalam empat versi bahasa iaitu bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil. Untuk tujuan kajian ini pengkaji memilih filem yang menggunakan bahasa Melayu.

Mengikut rekod yang tersimpan di Unit Pembahagian Filem, Filem Negara Malaysia, filem **Kemerdekaan Malaya** ini pernah menyertai Pesta Filem Asia Ke-5 di Manila, Filipina dalam tahun 1958. Filem ini memenangi hadiah *Golden Harvest* iaitu hadiah istimewa dalam bahagian filem bukan drama bagi kategori rakaman terbaik peristiwa penting dalam sejarah. Ini

menunjukan bahawa filem ini adalah salah sebuah filem terbaik pada zamannya.

Sinopsis Filem

Filem **Kemerdekaan Malaya** ini merupakan satu perakaman yang lengkap dan komprehensif mengenai kemerdekaan yang dikecapi oleh Tanah Melayu daripada penjajahan British pada 31 Ogos 1957. Peristiwa-peristiwa penting yang dipaparkan dalam filem ini ialah penyerahan Surat Perlembagaan oleh Duke of Gloucester, wakil Kerajaan British kepada YTM Tunku Abdul Rahman Putra sebagai menandakan penyerahan kuasa British kepada rakyat Malaya dan berakhirnya penjajahan mereka di Malaya.

Satu lagi peristiwa penting yang digambarkan ialah perisytiharan kemerdekaan yang diucapkan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra yang berlangsung di Stadium Merdeka. Istiadat Pertabalan Agong pertama juga dimuatkan dalam filem ini. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Abdul Rahman, Yang Di Pertuan Besar Negri Sembilan telah dilantik sebagai Yang Di Pertuan Agong pertama bagi Persekutuan Tanah Melayu. Istiadat Pembukaan Parlimen pertama yang disempurnakan oleh Yang Di Pertuan Agong turut dipaparkan.

Di samping peristiwa-peristiwa penting di atas dimuatkan juga acara-acara rasmi dan juga persembahan kebudayaan serta hiburan bersempena

dengan sambutan **Kemerdekaan Malaya**. Orang ramai daripada pelbagai keturunan dilihat menghadirkan diri untuk menyaksikan berbagai-bagai pertunjukan yang diadakan. Kelihatannya begitu meriah sekali terutamanya pada waktu malam di mana bandar Kuala Lumpur seolah-olah berubah menjadi sebuah bandar kayangan dipenuhi dengan cahaya lampu yang bergemerlapan.

Olahan filem

Filem ini memaparkan peristiwa bersejarah Tanah Melayu menyambut kemerdekaan. Peristiwa yang digambarkan adalah mengikut kronologi ianya berlaku. Plot filem ini bermula dengan menyingkap sedikit sejarah mengenai bagaimana Kuala Lumpur yang pada asalnya hanya mempunyai pondok-pondok kecil tetapi telah berkembang menjadi sebuah bandar besar. Kemudiannya dipaparkan bandar Kuala Lumpur telah dihias begitu indah dengan bendera, kain rentang dan juga papan tanda yang terukir perkataan keramat iaitu **Merdeka**.

Tumpuan penonton kini dialihkan ke lapangan terbang Sungei Besi di mana kelihatan ramai pembesar-pembesar dari luar negara tiba ke negara ini untuk sama-sama menyaksikan peristiwa yang penuh bersejarah itu. Mereka disambut oleh pembesar-pembesar negara ini.

Pada tepat jam 12 tengah malam 30 Ogos 1957 bermulalah acara sebenar kemerdekaan Tanah Melayu, upacara menurunkan bendera Union Jack iaitu bendera British menandakan berakhirnya penjajahan mereka di sini. Peristiwa itu berlangsung di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur (kini dikenali sebagai Dataran Merdeka).

Pada awal pagi keesokannya iaitu pagi 31 Ogos 1957 orang ramai memenuhi Stadium Merdeka untuk menyaksikan upacara perisytiharan kemerdekaan. Wakil British menyerahkan Surat Perlembagaan kepada YTM Tunku Abdul Rahman dan beliau membacakan perisytiharan itu. Selesai sahaja Tunku membacakan perisytiharan itu beliau melaungkan perkataan merdeka sebanyak tujuh kali. Setiap kali selesai laungannya diikuti pula oleh seluruh rakyat yang berada di Stadium Merdeka. Bergemalah laungan merdeka seakan-akan kedengaran ke seluruh negara dan tertiplah semangat ke dalam setiap sanubari rakyat Tanah Melayu.

Dalam filem itu juga dipaparkan istiadat mengangkat sumpah oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong yang pertama iaitu DYMM Tuanku Abdul Rahman. Baginda adalah Yang Di Pertuan Besar Negri Sembilan. Yang Di Pertuan Agong merupakan ketua negara kepada Persekutuan Tanah Melayu.

Sebagai sebuah negara merdeka sistem pemerintahan perlulah dilaksanakan dengan cekap. Untuk tujuan itu anggota kabinet yang telah dilantik mengangkat sumpah memegang jawatan di hadapan DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong. Istiadat itu didahului oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu YTM Tunku Abdul Rahman Putra diikuti oleh anggota-anggota kabinet yang lain.

Satu lagi istiadat penting yang berlangsung selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan ialah Istiadat Pertabalan Agong. Upacara yang penuh dengan adat istiadat Raja-Raja Melayu itu disempurnakan di Istana Negara dengan disaksikan oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu serta pembesar-pembesar negara yang lain. DYMM Tuanku Abdul Rahman, Yang Di Pertuan Besar Negri Sembilan dilantik sebagai Yang Di Pertuan Agong yang pertama. Baginda adalah tunggak utama negara, ketua kepada angkatan tentera dan juga ketua Agama Islam.

Satu lagi istiadat penting yang dipaparkan ialah Istiadat Pembukaan Parlimen. Istiadat ini disempurnakan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong. Parlimen adalah satu institusi terpenting kerana di sitolah hala tuju negara yang baru merdeka itu ditentukan. Dasar-dasar negara dibentuk dan perancangan untuk memajukan negara dilakukan dengan penuh ketelitian.

Selain daripada upacara-upacara berbentuk rasmi acara-acara bercorak temasya juga diadakan. Antaranya ialah seperti acara sukan, pertunjukan pancaragam, persembahan kebudayaan dan anikawarna, perahu berhias di Taman Tasik dan juga pertunjukan bunga api. Acara-acara tersebut disertai oleh rakyat dari semua kaum melambangkan keharmonian yang terjalin.

Satu perarakan oleh pasukan keselamatan juga diadakan. Segala peralatan ketenteraan dan kepolisian dipaparkan. Ini ialah untuk menunjukkan bahawa walaupun negara ini baru mencapai kemerdekaan namun ia mempunyai kekuatan dan kemampuan untuk mempertahankan diri daripada ancaman-ancaman luar dan juga musuh-musuh negara.

Filem ini merupakan satu dokumentasi yang menyimpan satu peristiwa bersejarah negara yang amat penting. Dengan itu objektif filem ini sudah tentulah bertujuan untuk melakukan satu perakaman ke atas peristiwa penting itu untuk tatapan generasi mendatang. Sekarang ini sudah terbukti bahawa objektifnya tercapai kerana filem itu masih boleh ditonton pada hari ini. Generasi kini sekurang-kurangnya dapat mengetahui acara-acara penting yang berlaku semasa Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Filem dokumentari ini adalah sebuah filem dokumentari biasa yang berbentuk naratif dan menurut kronologi peristiwa yang berlaku. Visual dipersembahkan dan disokong dengan naratif yang mantap membolehkan penonton memahami mesej yang disampaikan. Perisytiharan-perisytiharan penting diperdengarkan contohnya perisytiharan kemerdekaan yang disampaikan oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra, begitu juga laungan merdeka sebanyak tujuh kali yang diucapkan oleh beliau.

Filem ini menggunakan teknik penggambaran biasa. Namun begitu semua acara-acara penting dapat digambarkan dengan sempurna. Kamera diletakan di pelbagai sudut untuk memberikan gambaran yang terbaik. Acara-acara pada waktu malam juga banyak dipaparkan seperti pertunjukan kebudayaan, persembahan pancaragam dan perarakan perahu berhias. Teknik-teknik biasa seperti *pan*, *cut* dan *dissolve* digunakan untuk penukaran dari satu *scene* ke satu *scene* yang lain.

Kandungan Nilai nasional

Perbincangan seterusnya ialah mengenai nilai nasional yang menjadi teras kepada kajian ini. Filem dokumentari **Kemerdekaan Malaya** ini ditonton berulang-ulang kali untuk melihat sama ada terdapat atau tidak nilai nasional di dalamnya sepetimana telah dibincangkan dalam bab 3. Setelah pengamatan dilakukan dengan begitu berhati-hati, pengkaji dapat mencerap

beberapa nilai nasional iaitu **perpaduan, patriotisme dan unsur-unsur kebudayaan.**

Unsur nilai **perpaduan** dapat dilihat di beberapa segmen dalam filem tersebut. Satu segmen yang begitu ketara menggambarkan soal **perpaduan** ialah ketika orang ramai berkumpul beramai-ramai pada malam menjelang 31 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor. Rakyat jelata daripada pelbagai keturunan dilihat bersama-sama meraikan kedatangan saat bersejarah detik dua belas tengah malam.

Pada pagi 31 Ogos 1957 juga unsur **perpaduan** dapat dilihat dengan ketara. Orang ramai yang membanjiri Stadium Merdeka untuk menyaksikan upacara perisytiharan kemerdekaan datang dari pelbagai kaum. Dalam filem tersebut dapat dilihat rakyat dari semua keturunan duduk bersama bercampur baur tanpa ada sempadan perkauman. Nampak jelas lagi apabila YTM Tunku Abdul Rahman melaungkan perkataan merdeka, kelihatan semua kaum turut melaungkannya dan mengangkat tangan dengan penuh semangat perpaduan.

Semangat perpaduan nampak begitu ketara lagi dalam acara-acara dan temasya sukan. Semua kaum mengambil bahagian, sama-sama

bergembira tanpa ada syak wasangka. Mereka berganding bahu dalam acara-acara berkumpulan dan nampak begitu mesra sekali.

Semasa majlis Jamuan Negara, pertunjukan kebudayaan diadakan. Acara kebudayaan dari semua kaum dipersembahkan antaranya ialah tarian lama Melayu, Tarian Singa yang menggambarkan masyarakat Cina dan tidak ketinggalan tarian India. Perpaduan semua kaum jelas kelihatan dan menggambarkan masyarakat Tanah Melayu yang hidup bersatupadu dan harmoni.

Selain daripada nilai perpaduan, nilai **patriotisme** juga dapat dilihat dengan ketara dalam beberapa babak tertentu. Yang jelas sekali kelihatan ialah semasa rakyat jelata berkumpul beramai-ramai memenuhi Stadium Merdeka pada pagi 31 Ogos 1957. Pada saat di mana perisytiharan kemerdekan Malaya akan dimasyurkan rakyat menunjukkan perasaan **patriotisme** yang begitu tinggi.

Lebih ketara lagi kelihatan semasa seluruh rakyat yang hadir di Stadium Merdeka turut bersama-sama YTM Tunku Abdul Rahman melaungkan perkataan merdeka sebanyak tujuh kali. Gegak gempita suara mereka apabila selesai sahaja YTM Tunku melaungkan merdeka, mereka juga melaungkannya sambil mengangkat tangan menunjukkan semangat

patriotisme yang sungguh tinggi, sayangkan negara mereka dengan sepenuh hati.

Satu lagi acara yang dilangsungkan bersempena dengan sambutan hari kemerdekaan ialah perbarisan pasukan keselamatan yang terdiri daripada pasukan tentera, polis dan pasukan beruniform yang lain. Mereka ini menggambarkan kekuatan angkatan keselamatan dengan kekuatan anggota, jentera yang digunakan dan juga senjata canggih ketika zaman itu. Di samping itu perarakan itu juga mencerminkan semangat **patriotisme** yang begitu tinggi di kalangan anggota pasukan keselamatan.

Satu lagi nilai nasional yang dapat digarap daripada filem **Kemerdekaan Malaya** ini ialah unsur **kebudayaan** yang terdapat dalam filem itu. Satu contoh ketara yang dapat dilihat ialah semasa Istiadat Pertabalan Agong. Istiadat itu dilaksanakan dengan segala adat istiadat Raja-Raja Melayu yang penuh dengan keagungan. Ini merupakan satu ciri kebudayaan yang melambangkan ketertiban hidup di dalam istana.

Semasa majlis Jamuan Negara satu lagi unsur kebudayaan ditonjolkan iaitu pertunjukan kebudayaan dan kesenian daripada berbilang kaum yang ada di Tanah Melayu. Persembahan kebudayaan daripada tiga kaum terbesar yang mendiami negara ini iaitu Melayu, Cina dan India diadakan.

Kaum Melayu mempersesembahkan tarian asli Melayu, kaum Cina dengan Tarian Singa dan kaum India dengan tariannya sendiri.

Sebagai kesimpulannya dapatlah dinyatakan bahawa filem dokumentari **Kemerdekaan Malaya** ini mengundungi unsur-unsur nilai nasional yang telah dibincangkan sebelum ini. Pada setengah-setengah segmen nilai nasional yang dipaparkan kelihatan begitu ketara namun pada setengah-setengah segmen lain ia tidak begitu jelas. Dalam kajian ini pengkaji dapat mengesan tiga unsur nasional yang tersirat iaitu **perpaduan, patriotisme dan kebudayaan**. Nyatalah bahawa filem-filem yang diterbitkan oleh *MFU* pada era zaman kemerdekaan mempunyai mesej penting yang ingin disampaikan kepada masyarakat.

5.2.2.2 Filem Dokumentari " Dugaan Negara "

Latarbelakang dan bentuk filem

Filem kedua yang dikaji untuk era merdeka ialah filem yang bertajuk **Dugaan Negara**. Filem ini dipilih berdasarkan tajuk dan sinopsisnya yang menggambarkan betapa susahnya Tanah Melayu menghadapi pelbagai kesulitan dan cabaran pada zaman sebelum merdeka dan juga pada zaman awal mencapai kemerdekaan.

Filem ini diterbitkan dalam tahun 1960 iaitu tahun perisytiharan tamatnya darurat. Panjang masa tayangannya ialah lebih kurang 41 minit. Ia dihasilkan dalam bentuk hitam putih dan dalam format 16 dan 35 mm. Filem ini dibuat dalam empat versi bahasa iaitu bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil. Untuk tujuan kajian ini pengkaji memilih filem yang menggunakan bahasa Melayu.

Sinopsis Filem

Filem ini menyorot kembali perjuangan Tanah Melayu menentang pengganas komunis bermula dari zaman darurat iaitu sejak tahun 1948. Selama dua belas tahun Tanah Melayu dicengkam zaman yang amat susah iaitu zaman darurat. Rakyat tidak dapat hidup aman dan tenteram kerana sentiasa diancam.

Kisah dalam filem ini menggambarkan kesungguhan penentangan terhadap komunis yang mengganggu gugat ketenteraman negara ini. Komunis bercita-cita menguasai negara ini dengan cara kekerasan iaitu mengangkat senjata dan beroperasi secara sulit di hutan. Akhirnya berkat komitmen yang begitu tinggi mengakibatkan perjuangan komunis menjadi lumpuh.

Pada tahun 1960 darurat diisyiharkan tamat dan ini merupakan satu kejayaan besar kepada Tanah Melayu. Rakyat dapat menjalani kehidupan

dengan lebih selesa dan berusaha untuk memajukan negara. Kisah perjuangan lengkap dipaparkan dalam filem **Dugaan Negara** ini.

Olahan filem

Filem ini memaparkan kisah kejayaan Tanah Melayu mengharung segala kepayahan dan kesusahan semasa zaman darurat dan juga memperlihatkan satu kemenangan apabila darurat diisyiharkan tamat pada 31 Julai 1960. Perisytiharan itu dilakukan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong. Kenyataan di atas terbukti dengan prolog dalam filem **Dugaan Negara** itu.

" Dua belas tahun sudah kita berjuang melawan musuh di tengah-tengah masyarakat kita : berjuang menentang fahaman asing, menentang keganasan dan ugutan, menentang komunis yang mengangkat senjata. Inilah kisah perjuangan dan kemenangan kita. "

Plot filem ini bermula dengan membawa sedikit latarbelakang mengenai Tanah Melayu. Negara ini begitu indah, dipaparkan hutan belantara menghijau, sungai yang airnya mengalir bersih, pantai yang menawan dan juga banjaran Titiwangsa yang berdiri megah. Kemudiannya dipaparkan pula kemakmuran Tanah Melayu dari hasil buminya. Kelihatan masyarakat daripada pelbagai kaum menjalankan kerja-kerja di sawah, ladang getah dan juga kegiatan melombong bijih timah. Tanah Melayu memang terkenal dengan kawasan perlombongan yang terkaya di dunia

khlasnya di kawasan Lembah Kinta, Ipoh seperitimana dikisahkan dalam filem *The Kinta Story*.

Keamanan di Tanah Melayu digangu gugat oleh penganas komunis. Mereka menghuruharakan negara, memporakperandakan kestabilan, memusnahkan kilang perusahaan, mengugut, merosakan alat perhubungan dan yang paling kejam ialah hingga sanggup membunuh siapa sahaja yang enggan tunduk kepada kehendak mereka. Itulah rupa sebenar penganas komunis dan begitulah sengsaranya Tanah Melayu ketika itu hinggakan perintah darurat terpaksa dikuatkuasakan pada 16 Jun 1948.

Rakyat tidak berasa aman lagi. Keselesaan hidup mereka diancam dan timbulah rasa marah dan benci yang amat sangat kepada penganas komunis. Mereka bangun menentang untuk mengembalikan maruah mereka yang terhina. Rakyat beramai-ramai menyertai Mata-Mata Khas, Pasukan Kawalan Kampung dan juga Polis Tambahan untuk melawan musuh.

Mereka yang menyertai pasukan-pasukan khas itu menjalani latihan untuk memperlengkapkan diri bagi menentang musuh. Setelah selesai menjalani latihan mereka mulakan tugas. Kubu pertahanan dibina di persekitaran ladang dan lombong. Kawalan dijalankan dua puluh empat jam untuk menghalang komunis daripada menceroboh. Akhirnya dengan

pertolongan polis dan tentera kemaraan pengganas dapat direda dan dibendung.

Ladang dan lombong mampu dikawal dengan baik namun timbul satu lagi masalah iaitu penduduk-penduduk yang tinggal di pinggir hutan. Mereka bercucuk tanam dan mengusahakan hasil pertanian untuk mendapatkan bahan makanan. Pengganas komunis mengugut mereka untuk menyerahkan hasil pertanian sebagai bahan makanan mereka. Ini memudahkan pengganas menyambung hidup dan meneruskan perjuangan mereka di hutan.

Satu cara untuk mengatasinya ialah dengan melakukan perpindahan beramai-ramai para penduduk di pinggir hutan ke kawasan perkampungan baru dan perkampungan mereka dikawal oleh pihak berkuasa. Ini akan menyebabkan pengganas komunis sukar untuk mendapatkan makanan selain daripada usaha yang mereka jalankan sendiri di hutan.

Pasukan keselamatan mengambil langkah tegas dengan membakar ladang-ladang yang diusahakan oleh komunis. Ini adalah satu cara untuk membulurkan mereka dan akhirnya mereka jadi lemah. Tempat persembunyian mereka digeledah dan akibatnya mereka lumpuh.

Ada lagi langkah drastik yang diambil iaitu pengeboman dari udara. Pengeboman ini dilakukan ke atas sarang-sarang komunis yang terdapat di merata tempat di dalam hutan. Pengeboman ini dijalankan oleh pasukan udara yang didatangkan khas dari negara-negara komanwel. Di samping itu askar-askar dihantar ke hutan dengan menggunakan helikopter. Langkah-langkah yang diambil itu amat menyusahkan pengganas dan seterusnya melumpuhkan perjuangan mereka.

Dalam zaman darurat itu satu peristiwa tragis berlaku iaitu pembunuhan Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu pada 7 Oktober 1951. Pembunuhan itu dilakukan oleh penganas komunis ketika Sir Henry Gurney pulang daripada melawat orang-orang kampung dan pasukan keselamatan yang sedang bertugas. Tempat beliau digantikan oleh Sir Gerald Templer pada tahun 1952.

Sir Gerald Templer mengambil beberapa langkah untuk memerangi komunis yang sedang menganas. Antaranya ialah memperkemaskan alat-alat peperangan dan memperkuuhkan latihan mengenai perjuangan di dalam hutan. Risalah-risalah yang meminta penganas menyerah diri ditaburkan dari udara. Di samping itu alat pembesar suara yang dilaungkan dari kapalterbang juga digunakan meminta mereka menyerah diri. Usaha-usaha

itu menampakkan hasilnya apabila ramai pangganas komunis menyerah diri pada Mei 1952.

Usaha-usaha untuk membanteras perjuangan komunis diperhebatkan. Beberapa pasukan keselamatan yang baru ditubuhkan dan ada yang diperbesarkan. Askar Melayu dibesarkan dari dua ke tujuh batalion. Antara pasukan-pasukan baru yang ditubuhkan ialah Pasukan Perisai Persekutuan, Pasukan Simpanan Angkatan Laut, Pasukan Tambahan Angkatan Udara dan Pasukan Sukarela.

Dalam pada itu askar-askar dari negara komanwel seperti England, Fiji, Australia dan Afrika datang ke Tanah Melayu untuk memberi bantuan. Pasukan payung terjun juga digunakan untuk menawan hati Orang Asli yang tinggal jauh di pedalaman. Jika tidak ditawan hati mereka, dibimbangi pihak pengganas akan memenangi hati mereka pula.

Hasil usaha yang bersungguh-sungguh itu membawaikan hasil. Pada tahun 1953 Sir Gerald Templer mengumumkan kawasan putih yang pertama di Tanah Melayu iaitu di Melaka. Rakyat di kawasan itu dapat hidup seperti sediakala tanpa dicengkam oleh undang-undang darurat. Mereka juga merasa tenteram dan tidak lagi takut pada ancaman dan ugutan.

Keadaan darurat semakin reda. Pengganas komunis sudah rasa tertekan dan sukar meneruskan perjuangan. Rakyat Tanah Melayu mahukan perubahan dalam hidup mereka. Mereka inginkan kemajuan dan membina hidup baru. Kerajaan ketika itu menu buhkan satu badan yang bertujuan membantu penduduk luar bandar supaya menceburkan diri dalam bidang perusahaan. Badan itu dikenali sebagai *Rural and Industrial Development Authority (RIDA)* atau Lembaga Kemajuan Perusahaan Kampung. Dengan adanya bantuan sedemikian dapatlah penduduk luar bandar memajukan diri dan keluar dari suasana kemiskinan.

Pada tahun 1955 satu lagi sejarah tercatat di Tanah Melayu. Pilihanraya pertama diadakan untuk menentukan pemerintah. Pada ketika itu sudah terdapat beberapa parti politik yang mewakili kaum masing-masing. Parti UMNO mewakili kaum Melayu, parti MCA mewakili kaum Cina dan MIC pula mewakili kaum India.

Satu perkara unik telah berlaku iaitu mereka lupakan perasaan perkauman sebaliknya mengukuhkan semangat perpaduan. Ketiga-tiga parti itu bercantum dan dinamakan parti Perikatan. Selesai pilihanraya parti Perikatan mencatat kemenangan besar iaitu memperoleh kemenangan sebanyak 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Ini menunjukan

bahawa rakyat Tanah Melayu ingin bersatu untuk membawa negara ke arah kemajuan.

Dalam filem **Dugaan Negara** ini juga dipaparkan satu lagi sejarah penting yang berlaku di Tanah Melayu iaitu **Rundingan Baling**. Rundingan yang berlangsung di pekan Baling itu adalah antara YTM Tunku Abdul Rahman Putra dan Chin Peng iaitu ketua kepada Parti Komunis Malaya. Dalam rundingan itu Chin Peng memohon supaya partinya diiktiraf namun ditolak oleh Tunku. Ini membawa maksud bahawa rundingan tersebut telah menemui kegagalan. Pihak komunis terus berjuang di dalam hutan untuk mencapai hasrat mereka.

Pada tahun 1956 semangat kebangsaan sudah mula wujud di kalangan penduduk Tanah Melayu. Perjuangan untuk menuntut kemerdekaan sudah bermula. Rakyat Tanah Melayu berasa yakin bahawa mereka sudah boleh menjalankan pemerintahan di negara mereka sendiri. YTM Tunku Abdul Rahman Putra dan rombongannya telah berlepas ke London untuk berunding dengan Kerajaan British. Tunku ingin meyakinkan British bahawa sudah sampai masanya Tanah Melayu diberi kemerdekaan. Tunku berjaya dalam misinya dan Tanah Melayu akan merdeka dan menjadi sebuah negara yang berdaulat.

Tibalah saat yang ditunggu-tunggu oleh penduduk Tanah Melayu iaitu 31 Ogos 1957. Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya daripada British. Negara baru itu akan mencorakkan masa depannya dengan acuan sendiri. Bersempena dengan kemerdekaan Tanah Melayu itu kerajaan memberikan satu tawaran kepada pengganas komunis untuk meletakkan senjata dan menyerah diri. Tawaran itu dikenali sebagai **Tawaran Merdeka**. Tawaran itu membawa hasil iaitu seramai lebih daripada 600 pengganas komunis telah menyerah diri.

Setelah mencapai kemerdekaan Tanah Melayu memasuki era baru. Pelbagai program pembangunan dan kemasyarakatan mula dirancang dan dilaksanakan. Antaranya ialah Rancangan Lima Tahun Malaya yang menekankan aspek pembangunan fizikal untuk kemajuan rakyat jelata. Tanah baru dibuka, penanaman getah secara berleluasa dilaksanakan.

Perusahaan melombong bijih timah dipergiatkan sebagai salah satu hasil negara yang tertinggi. Kawasan industri dibuka di sana sini untuk membolehkan rakyat menceburkan diri dalam bidang baru. Pembangunan dan kemajuan luar bandar tidak pernah dilupakan. Mereka yang daif dibantu dengan pelbagai cara supaya hidup mereka lebih selesa sesuai sebagai penduduk dalam sebuah negara merdeka.

Pembangunan dari segi sosial juga tidak langsung diabaikan. Dasar Pelajaran Kebangsaan digubal dengan salah satu ciri pentingnya ialah mengutamakan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar. Tujuannya ialah untuk menyemai semangat kebangsaan di kalangan rakyat yang masih muda di samping menanamkan semangat perpaduan di kalangan semua kaum. Kemudahan kesihatan yang lebih baik dan penyediaan perumahan yang lebih sempurna juga dilaksanakan. Begitulah tugas dan tanggungjawab berat yang dipikul oleh kerajaan yang baru merdeka untuk mensejahterakan rakyat.

Demikianlah sebuah kisah yang agak panjang dipaparkan dalam sebuah filem yang berjudul **Dugaan Negara**. Ia bermula dari zaman darurat hingga ke zaman di mana Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dan menjadi sebuah negara yang berdaulat dan mulia. Segala peristiwa bersejarah dipaparkan di samping menunjukkan kecekalan Tanah Melayu menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran yang menimpa.

Filem ini merupakan satu filem dokumentari yang mengumpulkan beberapa peristiwa bersejarah bagi Tanah Melayu. Bahan-bahan dokumentasi itu amat penting sekali untuk tatapan generasi selepas zaman berlakunya peristiwa-peristiwa tersebut. Dapatlah dinyatakan bahawa objektif filem ini ialah untuk memaparkan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku

mengikut kronologinya dan boleh dijadikan iktibar kepada orang yang menontonnya. Generasi kini yang menghayati filem itu akan dapat mengetahui betapa susahnya hidup pada zaman darurat dan mereka tidak mahu perkara sedemikian berlaku kepada mereka.

Filem dokumentari **Dugaan Negara** ini adalah sebuah filem yang berbentuk naratif sepenuhnya. Setiap peristiwa yang dipaparkan akan diberi penjelasan dengan sebaik-baiknya supaya penonton dapat memahaminya. Filem ini menggunakan teknik penggambaran biasa. Namun begitu terdapat sedikit kelaianan yang agak ketara jika dibandingkan dengan filem-filem sebelum ini. Kelainan yang dimaksudkan ialah beberapa babak yang dipaparkan menggunakan penggambaran dari udara.

Setelah membuat pengamatan pengkaji dapat mengenalpasti sebanyak lima babak yang menggunakan penggambaran dari udara. Antara babak-babak itu ialah gambar yang menunjukan hutan tebal yang melitupi Tanah Melayu, semasa pengguguran risalah meminta pengganas komunis menyerah diri dan juga pengeboman sarang-sarang komunis di dalam hutan.

Selain daripada itu penggambaran udara juga dilakukan semasa kapalterbang menurunkan askar berpayung terjun ke dalam hutan. Di samping memerangi pengganas komunis askar-askar itu diberi

tanggungjawab untuk mendekati Orang-Orang Asli yang tinggal jauh di pedalaman supaya mereka tidak terpengaruh dengan dakyah komunis.

Bekalan makanan juga diturunkan melalui udara. Bekalan makanan itu adalah untuk askar-askar yang bertugas dalam jangka waktu yang lama di dalam hutan dan juga untuk Orang-Orang Asli. Hasil tanaman Orang Asli banyak dirampas oleh pengganas dan oleh sebab itu kerajaan ketika itu perlu memberi bantuan sambil memenangi hati mereka. Kerja-kerja menurunkan makanan itu juga digambarkan dalam filem itu dengan menggunakan penggambaran udara.

Dalam menjalankan penggambaran udara tersebut terjadi satu peristiwa yang menyayat hati. Sebuah kapalterbang yang dinaiki oleh dua orang Jurugambar *MFU* telah jatuh terhempas dan mengorbankan mereka. Gambar hasil penggambaran mereka dapat ditemui dan dimuatkan dalam filem tersebut. Malang sekali kedua-dua mayat Jurugambar itu hilang dan tidak dapat ditemui. Demikianlah menurut apa yang diceritakan dalam filem itu.

Kandungan Nilai nasional

Perkara penting yang tidak boleh diketepikan dalam analisis ini ialah perbincangan mengenai nilai nasional yang menjadi perkara pokok kepada kajian ini. Setelah dibuat kajian ke atas filem **Dugaan Negara** pengkaji

mendapati terdapat beberapa nilai nasional yang boleh dibincangkan. Antaranya ialah **perpaduan, patriotisme dan pembangunan**. Didapati nilai perpaduanlah yang paling banyak sekali diperkatakan. Perkara itu akan dilihat selepas ini.

Unsur nilai perpaduan dapat dicerap dari beberapa segmen dalam filem **Dugaan Negara** ini. Amat ketara sekali apabila kajian dibuat terhadap latarkata yang terkandung di dalam filem itu. Salah satu latarkatanya berbunyi;

" Di lembah-lembah gunung ganang ini ialah sawah padi yang membekalkan tenaga hidup bagi penduduk-penduduk di sini, **Melayu, Cina dan India.**"

Latarkata di atas menunjukan bahawa Tanah Melayu memang didiami oleh tiga kaum terbesar iaitu Melayu, Cina dan India di samping kaum minoriti yang lain. Mereka hidup harmoni, bekerjasama dalam sebuah negara yang makmur. Jelas sekali nilai perpaduan diketengahkan. Satu lagi latarkata yang ada kaitan dengan perpaduan adalah seperti berikut;

" Enam juta penduduk Tanah Melayu dari **berbagai bangsa dan agama** telah lama **hidup bersatu, aman dan damai** memberi sumbangan masing-masing membentuk corak rupa peribadi negeri. "

Demikianlah betapa pentingnya nilai perpaduan di kalangan penduduk Tanah Melayu sejak dari zaman sebelum merdeka hingga ke zaman selepas negara mencapai kemerdekaan. Latarkata itu jelas menunjukan bahawa pelbagai bangsa hidup dalam kesepadan, dalam suasana aman dan damai. Mereka boleh bekerjasama untuk membangunkan negara tanpa mengambilkira latarbelakang kaum masing-masing.

" Tetapi pengganas itu melampau dalam kekejamannya hingga hilang takut rakyat timbul pula benci dalam hati masing-masing. Apabila kerajaan menyeru, beribub-ribu pemuda dari **kesemua kaum** tampil ke hadapan rela **mempertahankan tanahairnya**. 24,000 daripadanya jadi Mata-Mata Khas, yang lain masuk Pasukan Kawalan Kampung dan Polis Tambahan. Ini merupakan perjuangan rakyat. "

Jika diteliti latarkata di atas didapat terdapat dua **nilai nasional** yang diketengahkan iaitu nilai **perpaduan** dan **patriotisme**. Petikan latarkata itu menyebut " ... **pemuda-pemuda dari kesemua kaum** ... ", ini jelas menunjukan bahawa semangat perpaduan memang menjadi salah satu agenda penting pada zaman itu. Tidak kira dari apa kaum sekalipun mereka boleh berganding tangan dan bersatu hati.

Satu lagi **nilai nasional** yang dapat digarap ialah **patriotisme**. Ini jelas kelihatan daripada petikan latarkata yang berbunyi " ... **tampil ke hadapan rela mempertahankan tanahairnya** ... ". Ini menunjukan bahawa mereka

sanggup mempertahankan negara daripada dihancurkan oleh penganas yang tidak berperikemanusiaan. Disebabkan rasa cinta yang amat mendalam kepada tanahair mereka sanggup berkorban hingga menggadai nyawa sekalipun.

Pengkaji ingin mencatatkan satu lagi latarkata yang jelas menggambarkan nilai **perpaduan** dan **patriotisme**. Latarkata itu dicatatkan di bawah ini.

" Dalam tahun itu juga Pasukan Persekutuan ditubuhkan. Satu langkah **menyatukan penduduk-penduduk dari berbagai bangsa** serta membulatkan taat setia mereka. "

Latarkata yang berbunyi " ... **menyatukan penduduk-penduduk dari berbagai bangsa** ..." dengan sendirinya menjelaskan bahawa usaha untuk menyatupadukan semua kaum sudah diusahakan sejak dari dulu lagi. Ini ialah kerana perpaduan di kalangan semua kaum adalah amat penting dan menjadi asas kepada kemajuan dan kemakmuran negara.

Latarkata yang berbunyi " ... **m embulatkan t aat s etia m ereka** ..." menggambarkan perasaan **patriotisme** yang mendalam di kalangan rakyat. Perasaan sedemikian juga telah pun ditanam kepada semua penduduk Tanah Melayu sejak dari dulu. Dengan adanya rasa cinta yang mendalam

kepada negara pastinya mereka rela melakukan apa saja demi maruah dan kesejahteraan negara daripada diganggu gugat oleh anasir yang mahu menghancurkannya.

Satu lagi insiden bersejarah yang memberi gambaran jelas mengenai wujudnya unsur perpaduan ialah semasa berlangsungnya pilihanraya pertama yang diadakan pada tahun 1955. Gabungan tiga parti utama yang mewakili kaum Melayu, Cina dan India menunjukan bahawa rakyat berbilang kaum di Tanah Melayu mengorbankan sentimen perkauman masing-masing demi perpaduan nasional. Mereka sedar jika tidak wujud perpaduan sukar sekali bagi negara untuk merancang program pembangunan kerana asyik memikirkan masalah perpecahan di kalangan kaum. Latarkata di bawah ini jelas menerangkan maksud pernyataan di atas.

" Pilihanraya yang pertama pada tahun 1955 adalah satu kemajuan dalam perkembangan siasah. Satu-satunya yang menarik dalam peristiwa negara ini ialah **percantuman tiga buah parti siasah yang besar mewakili segala kaum**. Dalam kemenangan **Merdeka Untuk Tanah Melayu** sebagai semboyan perjuangan. "

Apabila keputusan pilihanraya diumumkan kemenangan berpihak kepada parti Perikatan iaitu gabungan tiga buah parti iaitu UMNO (United

Malay National Organisation) mewakili kaum Melayu, MCA (Malaya Chinese Association) mewakili kaum Cina dan MIC (Malaya Indian Congress) mewakili kaum India. Perikatan memenangi 51 daripada 52 buah kerusi yang dipertandingkan. Terang dan nyata bahawa **perpaduan** merupakan satu agenda terpenting dan satu **nilai nasional** yang diamalkan sejak dari dahulu lagi.

Dalam filem **Dugaan Negara** ini unsur-unsur **perpaduan** memang ketara sekali. Namun begitu unsur **patriotisme** juga sering ditonjolkan. Kesanggupan rakyat menyertai pasukan-pasukan keselamatan yang ditubuhkan menggambarkan semangat **patriotisme** yang tinggi. Pasukan Askar Melayu dibesarkan daripada dua ke tujuh batalion.

Pasukan-pasukan lain yang ditubuhkan ialah Pasukan Perisai Persekutuan, Pasukan Simpanan Angkatan Laut, Pasukan Tambahan Angkatan Udara dan pasukan sukarela. Penubuhan pasukan-pasukan itu memerlukan penglibatan tenaga daripada rakyat Tanah Melayu. Mereka yang memang cintakan negara tidak berasa sangsi untuk menawarkan diri bagi menaburkan bakti kepada pertiwi. Unsur **patriotisme** begitu jelas kelihatan.

Semasa menentang pengganas komunis di hutan pasukan keselamatan menggunakan senjata. Pertempuran sering terjadi dan di dalam

filem ini adegan tembak menembak dipaparkan dengan jelas. Apabila ini berlaku sudah pastinya nyawa para pejuang berada di hujung senjata. Namun begitu oleh sebab perasaan patriotisme tersemat kuat di jiwa mereka, perasaan takut telah diatasi dan mereka sanggup berjuang hingga ke titisan darah yang terakhir.

Penat lelah perjuangan mereka akhirnya membawa kepada kejayaan jua. Ancaman komunis dapat diredakan. Perjuangan mereka dilemahkan. Rakyat hidup lebih selesa dan mahu terus menempa kemajuan. Di sini wujudlah pula nilai **nasional** seterusnya iaitu unsur **pembangunan**. Latarkata yang dipaparkan di bawah ini dapat memberi gambaran yang lebih jelas mengenai unsur tersebut.

" Tanah Melayu telah selamat menempuh ujiannya yang sengit. Rakyat tiada lagi berasa takut timbul pula harapan. Kesangsaraan tahun-tahun yang lalu telah memberikan semangat baru. Rakyat inginkan perubahan baru dan hidup baru. **Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan (RIDA)** telah ditubuhkan untuk membantu penduduk-penduduk kampung. Gerakan kerjasama licin berjalan menentukan pendapatan yang lebih tinggi bagi pekebun-pekebun kecil. Kampung-kampung baru hasil dari tindakan darurat kini **menjadi satu pusat usaha** yang cergas lagi membesar. "

Daripada intipati latarkata di atas menunjukan bahawa rakyat Tanah Melayu telah diperkenalkan dengan pelbagai program pembangunan untuk meninggikan taraf hidup mereka. Dengan tertubuhnya RIDA sudah tentunya akan menjadi sebagai pemangkin dan mempercepatkan lagi proses pembangunan. Penduduk di luar bandar akan diberi keutamaan dalam pemberian bantuan. Ini ialah kerana taraf hidup mereka adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan penduduk di bandar.

Dalam konteks pembangunan ini kerajaan melangkah lebih jauh dengan melancarkan program pembangunan yang lebih komprehensif lagi. Tujuannya ialah supaya proses kemajuan dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan lebih sistematik. Pembangunan jangka panjang dirancang supaya hasilnya nanti lebih baik dan lebih berkesan dan dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat. Ini terbukti sepetimana latarkata yang diperdengarkan dalam filem **Dugaan Negara**.

" Bergandingan dengan peperangan darurat ialah perjuangan masyarakat dan iktisad untuk **kemajuan negara**. Rancangan lima tahun telah dilancarkan. Yang penting ialah melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang baru untuk **menyemaikan semangat kebangsaan** dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. "

Latarkata menekankan mengenai kemajuan negara. Kemajuan negara membawa maksud membangunkan sebuah negara yang mundur kepada yang lebih maju. Selain daripada mesej pembangunan latarkata di atas juga menjurus kepada **perpaduan** dan **patriotisme**. Petikan latarkata yang berbunyi " ... menyemaikan semangat kebangsaan ... " menggambarkan bahawa dengan adanya semangat kebangsaan, rakyat boleh bersatu dan bekerjasama dengan semua kaum. Di samping itu semangat kebangsaan juga boleh membangkitkan semangat patriotisme di kalangan rakyat.

Sebagai kesimpulannya, filem dokumentari **Dugaan Negara** adalah sebuah filem yang membawa kisah bagaimana sebuah negara yang bernama Tanah Melayu mampu menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan dari zaman darurat hingga negara mencapai kemerdekaan. Pelbagai pahit maung dan jerih pedih diharungi dengan ketabahan dan keyakinan bahawa kejayaan akan tiba jua.

Satu hadiah yang begitu besar kepada rakyat Tanah Melayu ketika itu ialah apabila keadaan darurat diijtiharkan tamat pada 31 Julai 1960. Perisytiharan itu dibuat oleh DYMM Seri Paduka Yang Di Pertuan Agong sebagaimana titah baginda yang berbunyi;

"Dan dengan itu pada 31 Julai 1960 sekelian undang-undang darurat akan dimansuh. Satu kemenangan bagi Tanah Melayu. Kita telah menempuh segala uji dan **dugaan dengan hati yang cekal dan semangat yang kuat lagi kukuh bersatupadu.**"

Titah DYMM Seri Paduka Baginda di atas juga menggambarkan bahawa rakyat Tanah Melayu bersatu hati dan mengamalkan semangat perpaduan. Semangat itulah yang telah membawa hasil dengan menumpaskan pengganas komunis yang mahu menguasai negara ini dengan cara kekerasan.

Demikianlah coretan sebuah dokumentasi penting yang memaparkan pelbagai kisah suka duka rakyat yang menumpahkan rasa cinta yang tidak berbelah bagi kepada tanahair mereka, Tanah Melayu. Sebagai rumusannya, pengkaji bolehlah menyatakan bahawa filem dokumentari **Dugaan Negara** ini mengundungi unsur-unsur **nilai nasional** yang telah dibincangkan sebelum ini. Dalam kajian ini pengkaji dapat mengesan tiga unsur **nilai nasional** yang tersirat iaitu **perpaduan, patriotisme** dan **pembangunan**.

Nilai yang paling ketara sekali ditonjolkan ialah nilai **perpaduan**. Banyak sekali segmen, *shot* dan *scene* yang membawa mesej **perpaduan**

sepertimana dibincangkan sebelum ini. Namun begitu nilai **patriotisme** dan **pembangunan** juga tidak kurang dipaparkan. Tidaklah keterlaluan jika dinyatakan bahawa filem-filem terbitan MFU pada era zaman kemerdekaan mempunyai mesej yang jelas berkaitan dengan **nilai nasional**.

5.2.2.3 Filem Dokumentari " Kelahiran Malaysia "

Latarbelakang dan bentuk filem

Filem ketiga yang dipilih untuk zaman era merdeka ialah filem yang bertajuk **Kelahiran Malaysia**. Filem ini dipilih kerana ia diterbitkan dalam zaman era kemerdekaan yang menepati skop kajian ini. Filem ini mempunyai nilai sejarah yang tinggi kerana ia merakamkan satu peristiwa penting bagi negara ini iaitu pertukaran nama Persekutuan Tanah Melayu kepada Malaysia.

Filem ini diterbitkan dalam tahun 1963 iaitu tahun perisytiharan rasmi penubuhan Malaysia. Panjang masa tayangannya ialah lebih kurang 38 minit. Ia dihasilkan dalam format 16 dan 35 mm dan berbentuk hitam putih. Filem ini dibuat dalam empat versi bahasa iaitu bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil. Untuk tujuan kajian ini pengkaji memilih filem yang menggunakan bahasa Melayu.

Filem ini juga merupakan salah sebuah filem yang terbaik pada zamannya kerana ia pernah menyertai pesta filem antarabangsa dan memenangi anugerah. Pesta filem yang dimaksudkan itu ialah Pesta Filem Asia Ke-11 di Taipei, Taiwan pada tahun 1964. Mengikut rekod yang diperolehi dari Unit Pembahagian Filem, Filem Negara Malaysia, filem ini memenangi hadiah Eric Johnston.

Sinopsis Filem

Filem ini memaparkan secara komprehensif mengenai sambutan pembentukan Malaysia yang berlangsung di Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Perisytiharan rasmi penubuhan Malaysia ini telah berlangsung pada 16 haribulan September 1963 bertempat di Stadium Merdeka. Selain dari Kuala Lumpur perisytiharan juga dilakukan serentak di Singapura, Sabah dan Sarawak.

Di samping perisytiharan rasmi pelbagai acara lain turut diadakan seperti pertunjukan kebudayaan dan acara sukan. Kelihatannya begitu meriah dan gemilang sekali. Rakyat dari segenap pelusuk negara dan dari pelbagai kaum turut sama memeriahkannya.

Olahan filem

Filem ini memaparkan satu peristiwa penting yang berlaku kepada Persekutuan Tanah Melayu. Peristiwa itu berlaku pada tanggal 16 September 1963 iaitu peristiwa pembentukan Malaysia. Jika sebelum ini Tanah Melayu

hanyalah merangkumi negeri-negeri di semenanjung sahaja tetapi penubuhan Malaysia menyaksikan percantuman di antara Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak membentuk sebuah negara yang lebih besar.

Sebelum hari perisytiharan ramai pembesar-pembesar dari negara luar datang sebagai tetamu kehormat untuk sama-sama meraikan peristiwa bersejarah itu. Pada 16 September 1963, Stadium Merdeka sekali lagi menjadi saksi dan sebagai medan untuk upacara perisytiharan dan pemasyhuran tersebut.

Sejak awal pagi lagi orang ramai daripada pelbagai kaum dan pelbagai lapisan masyarakat berduyun-duyun menuju ke Stadium Merdeka untuk menyaksikan peristiwa kelahiran sebuah negara baru iaitu Malaysia. Setelah kesemua pembesar dan tetamu-tetamu kehormat tiba dan mengambil tempat masing-masing, YTM Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia pertama mengumumkan acara pertama iaitu memperkenalkan bendera baru bagi negara Malaysia dan upacara menaikan bendera tersebut.

Dengan penuh rasa bersemangat diiringi oleh Lagu Kebangsaan, Negaraku, bendera Malaysia dinaikkan dan terus berkibar melambangkan sebuah negara merdeka yang mulia dan berdaulat. Sekelian yang hadir bangun memberi hormat sebagai lambang taat setia yang tidak berbelah

bahagi kepada negara yang tercinta. Semua tetamu juga sama-sama menyanyikan lagu Negaraku.

Tibalah masa yang ditunggu-tunggu iaitu upacara membaca pemasyhuran pembentukan Malaysia oleh YTM Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj. DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail menyerahkan watikah pemasyhuran tersebut kepada YTM Tunku. Tunku dengan penuh bersemangat melafazkan pemasyhuran itu yang berbunyi;

" Dengan nama Allah yang maha murah lagi maha mengasihani, saya Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Perdana Menteri Malaysia dengan persetujuan dan perkenan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong, Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah, Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sarawak, dengan ini mengisyiharkan dan memasyhurkan bagi pihak umat Malaysia bahawa mulai daripada 16 haribulan September 1963 Malaysia yang mengandungi negeri Pahang, negeri Terengganu, negeri Kedah, negeri Johor, Negeri Sembilan, negeri Kelantan, negeri Selangor, negeri Perak, negeri Perlis, negeri Pulau Pinang, negeri Melaka , negara Singapura, negeri Sabah dan Sarawak dengan izin dan kehendak Allah rabulalamin akan kekal menjadi sebuah negara demokrasi yang merdeka lagi berdaulat serta berdasas kebebasan dan keadilan dan sentiasa mempertahankan serta memelihara keamanan dan kemesraan umatnya dankekalkan keamanan di antara segala bangsa di dalam dunia ini. Merdeka.., merdeka.., merdeka.., merdeka.., merdeka.., merdeka.., merdeka... "

Apabila Tunku menyebut perkataan merdeka maka setiap kali itulah rakyat yang hadir di Stadium Merdeka turut serta melaungkan perkataan keramat itu dengan penuh semangat. Bergemalah Stadium Merdeka seolah-olah laungan itu menerjah ke seluruh pelusuk tanahair. Lahirlah sebuah negara baru Malaysia yang mencorakan masa hadapannya sendiri.

Di Sabah pula sambutan kemerdekaannya di dalam Malaysia diadakan. Dengan memasuki Malaysia berakhirlah zaman penjajahan British yang sekian lama memerintah Sabah. Rakyatnya telah membuat keputusan untuk bersama-sama menyertai Malaysia dan terus membangun dan maju jaya.

Pada hari yang bersejarah itu juga dilangsungkan istiadat perlantikan Yang Di Pertua Negeri dan juga Ketua Menteri Sabah yang terdiri daripada anak negeri sendiri. Yang Terutama Datu Mustapha bin Datu Harun dilantik sebagai Yang Di Pertua Negeri Sabah yang pertama. Beliau ialah seorang dermawan Sabah yang telah banyak berjasa dalam usaha pembentukan Malaysia.

Ketua Menteri Sabah yang pertama pula ialah Encik Donald Stephen. Beliau adalah anak tempatan Sabah yang berketurunan Kadazan. Beliau ialah seorang bekas wartawan dan Presiden Jawatankuasa Setiakawan

Malaysia dan beliau mewakili parti pemerintah yang baru dipilih oleh rakyat Sabah.

Sambutan pembentukan Malaysia dan perayaan kemerdekaan Sarawak melalui Malaysia juga diadakan di Kuching, Sarawak. Di samping itu perlantikan Gabenor Sarawak dan juga Ketua Menterinya dilaksanakan. Yang Terutama Datu Haji Abang O peng dilantik sebagai Gabenor Sarawak yang pertama. Sementara itu Encik Stephen Kalong Ningkan pula dilantik sebagai Ketua Menteri Sarawak yang pertama. Encik Stephen adalah dari suku kaum Iban iaitu salah satu kaum pribumi yang terbesar di Sarawak.

Selain dari Kuala Lumpur perayaan pembentukan Malaysia diadakan di tempat-tempat lain. Di Singapura, Ketua Menterinya iaitu Encik Lee Kuan Yew bersama-sama rakyat melaungkan merdeka beramai-ramai. Singapura juga mencapai kemerdekaannya melalui Malaysia. Dalam filem **Kelahiran Malaysia** ini juga dipaparkan sambutan penubuhan Malaysia yang diadakan serentak di Pulau Pinang dan Kelantan.

Sebagai sebuah negara baru, memohon restu dan keselamatan daripada tuhan adalah sesuatu yang mesti dilakukan. Oleh hal yang demikian upacara-upacara agama diadakan mengikut kepercayaan agama masing-masing. Orang-orang yang beragama Islam, Buddha, Hindu dan Sikh

melakukan upacara-upacara agama memohon supaya Malaysia akan sentiasa selamat dan terus maju jaya.

Selain daripada istiadat-istiadat rasmi, acara-acara sampingan juga diadakan untuk membolehkan rakyat jelata sama-sama merasai perayaan yang gilang gemilang itu. Pelbagai acara sukan diadakan antaranya ialah sukaneka, sukan air, lumba kereta dan lumba basikal serta pertandingan gasing. Pertunjukan payung terjun juga diadakan.

Pada sebelah malam bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Singapura, Kuching dan Kota Kinabalu dihiasi dengan lampu berwarna warni. Setiap bandar itu bermandi cahaya bagaikan bandar itu berada di kayangan. Suasana gilang gemilang itu menggambarkan betapa gembiranya rakyat negara ini menyambut ketibaan negara Malaysia. Pada sebelah malam juga diadakan pelbagai acara seperti pertunjukan tatu oleh angkatan tentera dan persembahan kebudayaan dan kesenian. Jamuan berselerak dan jamuan negara juga tidak ditinggalkan.

Objektif filem ini sudah semestinya ialah untuk menyimpan rekod satu sejarah penting yang berlaku kepada negara ini. Dokumentasi ini amat penting sebagai satu sumber rujukan untuk generasi selepas zaman itu. Sekurang-kurangnya mereka tahu mengenai perjalanan sejarah pahit manis

negara mereka dan seterusnya boleh menjadi iktibar untuk mereka menghadapi hari-hari muka.

Kandungan Nilai nasional

Analisis ke atas **nilai nasional** adalah satu perkara yang tidak boleh diketepikan. Ia menjadi tulang belakang kepada kepada kajian ini. Setelah dibuat kajian ke atas filem **Kelahiran Malaysia** ini pengkaji mendapati terdapat beberapa nilai nasional yang boleh dibincangkan. Antaranya ialah **perpaduan, patriotisme dan kebudayaan**. Nilai-nilai nasional itu akan dibincangkan di bawah ini.

Pada peringkat permulaan filem ini, sudah jelas kelihatan bagaimana nilai perpaduan ditonjolkan. Visual dalam filem ini menunjukan dengan jelas penduduk daripada pelbagai kaum keluar beramai-ramai untuk menyaksikan upacara pemasyhuran penubuhan Malaysia. Ianya terbukti dengan lebih jelas apabila kita meneliti latarkata dalam filem itu seperti tercatat di bawah ini.

" 16 September 1963, subuh-subuh lagi pada hari kemerdekaan itu dengan berdayung sampan dan berjalan kaki, tua dan muda, perempuan dan lelaki dari keturunan **Melayu** dan **Cina**, **Bajau** dan **Kadazan**, **Dayak** dan **Iban** menghayun lenggang menuju pekan turut bersama merayakan Malaysia. "

Latarkata di atas menunjukan bahawa rakyat berbilang kaum negara ini dapat hidup bersama tanpa halangan etnik yang mencengkam. Kesepakatan

itulah yang membolehkan pelbagai program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Satu lagi mesej perpaduan yang jelas kelihatan ialah semasa upacara perlantikan Yang Di Pertua Negeri Sabah dan Ketua Menterinya dan juga perlantikan Gabenor Sarawak dan Ketua Menterinya. Yang Di Pertua Negeri Sabah ialah Yang Terutama Datu Mustapha bin Datu Harun berketurunan Melayu manakala Ketua Menterinya ialah Encik Donald Stephen berketurunan Kadazan. Tolerensi dan **perpaduan** begitu jelas kelihatan bila mana jawatan-jawatan penting tidak dibolot oleh hanya satu-satu kaum sahaja malah dikongsi bersama oleh kaum lain.

Negeri jirannya iaitu Sarawak memperlihatkan senario yang sama. Gabenor yang dilantik ialah Yang Terutama Datu Haji Abang Openg dari keturunan Melayu dan Ketua Menterinya pertamanya ialah Encik Stephen Kalong Ningkan dari keturunan Iban. Ini memperlihatkan kompromi antara kaum yang tidak berbalah mengenai perlantikan tersebut. Perpaduan dan keharmonian digambarkan dengan jelas sekali. Walaupun terdapat banyak sekali kumpulan etnik di negeri tersebut namun semangat perkauman diketepikan demi perpaduan dan demi untuk masa depan yang lebih cerah.

Dalam segmen lain pula filem **Kelahiran Malaysia** menggambarkan mengenai upacara keagamaan dilakukan oleh semua agama mengikut kepercayaan masing-masing. Upacara keagamaan itu dilakukan untuk memohon kepada tuhan supaya negara Malaysia selamat dalam menempuh badai dan gelombang yang bakal dihadapi. Antara agama yang melakukan upacara masing-masing ialah Agama Islam, Buddha, Hindu dan Sikh. Ini menunjukan bahawa walaupun terdapat perbezaan kepercayaan agama namun semua orang mementingkan **perpaduan** dan keharmonian demi negara tercinta.

Selain daripada upacara keagamaan acara sukan juga menggambarkan perpaduan yang erat di kalangan rakyat. Sempena penubuhan Malaysia pelbagai acara sukan diadakan seperti sukaneka, sukan air, permainan gasing dan lumba kereta. Dalam acara-acara tersebut kelihatan rakyat dari pelbagai bangsa mengambil bahagian. Dari visual yang ditunjukan dapat dilihat mereka yang mengambil bahagian dapat bersatu, bekerjasama dan bergembira bersama walaupun berlainan agama dan bangsa.

Bersempena dengan perayaan penubuhan Malaysia jamuan berselerak dan jamuan negara diadakan. Semasa jamuan berlangsung dapat dilihat pelbagai kaum menghadirinya dan berbagai-bagai persempahan

kebudayaan dan kesenian dipertontonkan. Di sini kita dapat lihat dua **nilai nasional** iaitu nilai **perpaduan** dan **kebudayaan**. Nilai perpaduan dapat dilihat daripada ramainya orang berbilang kaum yang hadir dalam majlis jamuan dan nilai kebudayaan pula dapat dilihat daripada acara-acara kebudayaan yang dipersembahkan.

Nilai kebudayaan dapat digarap dengan lebih jelas lagi apabila kita mengkaji latarkatanya. Salah satu latarkata yang menggambarkan perkara tersebut adalah seperti berikut;

" Aneka jenis permainan, tatu, **tarian** dan **kesenian dari pelbagai budaya** dari barat dan timur Malaysia dipertunjukan. "

Jelas menunjukkan bahawa kebudayaan merupakan satu perkara yang penting dalam kehidupan masyarakat sejak Malaysia mula ditubuhkan dahulu. Kebudayaan daripada pelbagai bangsa dapat mengeratkan lagi perhubungan antara kaum kerana semua kaum mengambil bahagian dalam sesuatu persembahan.

Satu lagi nilai yang dapat dilihat dalam filem **Kelahiran Malaysia** ialah **patriotisme**. Ia amat jelas kelihatan dalam satu segmen di mana Perdana Menteri Malaysia, YTM Tunku Abdul Rahman Putra melaungkan perkataan merdeka sebanyak tujuh kali selepas beliau melakukan upacara

pemasyhuran penubuhan Malaysia. Laungan itu diikuti oleh kesemua rakyat pelbagai kaum yang hadir untuk menyaksikan upacara bersejarah itu. Mereka bangun beramai-ramai dan melaungkan perkataan keramat itu. Jelas tergambar semangat patriotisme yang begitu tinggi tercetus di hati sanubari mereka.

Dalam rangkap terakhir latarkata filem ini dengan jelas menggambarkan nilai **perpaduan** dan **patriotisme** ditonjolkan.

" **Kelahiran Malaysia** akan tertera di sejarah dunia sebagai sesuatu yang teristimewa. Semasa dalam benih lagi ianya telah diuji dan diduga. Semasa muncul wujud ianya teguh kuat dengan peribadi murni. Keyakinan dari dalam dan pertentangan dari luar telah **menyatupadukan umat dari pelbagai bangsa dan agama** mendokong cogan **Bersekutu Bertambah Mutu. Mara jayalah Malaysia wahai negaraku.** "

Demikianlah bait-bait terakhir latarkata yang menyimpulkan filem dokumentari **Kelahiran Malaysia**. Bunyinya mudah dan bersahaja namun pengertiannya amat tinggi dan bermakna sekali. Latarkata yang menyebut; **menyatupadukan umat dari pelbagai bangsa dan agama** menggambarkan **perpaduan** yang telah tercipta begitu kuat dan kukuh. Ini menunjukkan bahawa nilai perpaduan begitu dipentingkan dan telah wujud sekian lama.

Latarkata yang menutup filem dokumentari ini berbunyi; **Mara jayalah Malaysia wahai negaraku** amat tepat dan sesuai sekali. Selesai sahaja latarkata itu dibacakan lagu penutup filem dokumentari itu iaitu Negaraku, Lagu Kebangsaan Malaysia diperdengarkan. Lagu itu dikumandangkan untuk menggambarkan semangat **patriotisme** yang tersemat di dada rakyat ketika itu.

Begitulah paparan sebuah filem dokumentari yang mengisahkan mengenai kelahiran sebuah negara baru iaitu Malaysia. Sebagai kesimpulannya pengkaji boleh menyatakan bahawa filem dokumentari **Kelahiran Malaysia** ini mengundungi unsur-unsur **nilai nasional** penting yang sangat berkaitan dengan negara Malaysia. Dalam kajian ini pengkaji dapat mengesan tiga unsur **nilai nasional** yang tersirat iaitu **perpaduan, patriotisme dan kebudayaan**.

Walaupun nilai **perpaduan** banyak sekali dipaparkan dalam filem dokumentari ini namun tidak kurang juga nilai yang ada kaitan dengan **patriotisme** dan **kebudayaan**. Kesemuanya menggambarkan kesesuaian dalam konteks zamannya dan mencerminkan kehidupan masyarakat pada ketika itu. Nyata sekali bahawa filem-filem terbitan MFU/FNM pada era zaman kemerdekaan mempunyai **nilai nasional** yang diberi penekanan bersesuaian dengan zamannya.

5.2.3 Era Pembangunan (1967 - 2000)

Selepas mencapai kemerdekaannya Malaysia bersungguh-sungguh merancang pembangunan dalam pelbagai aspek kehidupan seperti politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan. Malaysia ingin mengisi kemerdekaan yang telah diperolehi dengan mengwujudkan perancangan pembangunan yang lebih sistematik. Ini telah melahirkan pembirokrasian pentadbiran negara yang lebih kompleks.

Pelbagai tingkat pentadbiran seperti peringkat persekutuan, negeri, daerah, mukim dan kampung telah diperkemaskan. Pembirokrasian ini bukan sahaja membolehkan perancangan pembangunan yang lebih sistematik tetapi juga penggubalan dasar-dasar pembangunan khusus serta pelaksanaan dasar-dasar berkenaan (Ma`rof Redzuan, 1997 : 223-224)

Dalam usaha merealisasikan program-program pembangunan pelbagai dasar khusus telah dirangka. Antaranya ialah Dasar Perindustrian Negara, Dasar Pertanian Negara, Dasar Penswastaan, Hala Cara Baru dalam Pembangunan Kampung dan Luar Bandar, Dasar Persyarikatan Malaysia dan lain-lain lagi.

Pembangunan negara lebih ketara dalam tahun-tahun 1980an dan 90an. Ini terbukti dengan wujudnya Dasar Perindustrian Berat Negara yang

bertujuan memajukan industri berat yang dapat membentuk ekonomi negara yang lebih kukuh dalam jangka panjang. Dasar ini juga dapat mengembangkan industri-industri sokongan serta membuka peluang kepada sektor swasta untuk memainkan peranan yang lebih cergas dalam pembangunan ekonomi negara. Industri berat merangkumi industri yang memerlukan modal besar, teknologi tinggi dan pekerja mahir (Ranjit Singh Malhi, 1988 : 286).

Untuk merealisasikan dasar tersebut Kerajaan telah menujuhkan Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) pada tahun 1980. Peranan HICOM adalah untuk mengenalpasti, melaksana dan menguruskan projek-projek industri berat. Kerajaan dengan usahasama pelabur asing telah melancarkan beberapa projek industri berat seperti loji simen, pembuatan kereta nasional, loji enjin kecil, besi panas dan pancang keluli dan palpa.

Dalam zaman era pasca-merdeka sebanyak empat buah filem dokumentari dipilih untuk dianalisis. Keempat-empat filem itu ialah **Ke Arah Perpaduan, Alam Sekitar Memerlukan Anda, Malaysia Megah Membangun** dan **Malaysia Melangkah Ke Hadapan**.

5.2.3.1 Filem Dokumentari " Ke Arah Perpaduan "

Latarbelakang dan bentuk filem

Filem pertama yang dipilih untuk zaman pasca merdeka ialah filem yang bertajuk **Ke Arah Perpaduan**. Filem ini dipilih kerana ia diterbitkan dalam zaman selepas merdeka dan menepati skop kajian ini. Daripada tajuk dan sinopsis filem ini dapatlah dinyatakan bahawa terdapat **nilai nasional** yang boleh dibincangkan seperitimana objektif kajian ini.

Filem dokumentari ini diterbitkan dalam tahun 1974. Panjang masa tayangannya ialah lebih kurang 45 minit. Filem ini mengisahkan mengenai kejayaan perancangan dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua dan juga mengenai dasar baru negara iaitu Dasar Ekonomi Baru. Pembangunan pesat negara juga dipaparkan dari segala aspek. Dasar-dasar yang dipaparkan ini akhirnya menjurus ke arah perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia.

Sinopsis Filem

Filem ini memberi gambaran yang menyeluruh mengenai kejayaan Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Kedua (1971 - 1975). Rancangan Malaysia Kedua ini mengutarakan strategi serampang dua mata yang menjadi objektif utama Dasar Ekonomi Baru. Dua strategi itu ialah penghapusan kemiskinan tanpa mengira kaum dan yang keduanya ialah pembentukan semula

masyarakat Malaysia. Di samping itu ia juga bertujuan untuk mengwujudkan masyarakat perdagangan dan perusahaan di kalangan orang Melayu supaya lama kelamaan pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi akan terhapus.

Olahan filem

Plot filem ini bermula dengan memaparkan visual beberapa bandar besar di Malaysia yang begitu pesat membangun. Di antara yang digambarkan ialah Melaka, Kuching, Kota Kinabalu, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Di samping itu digambarkan juga mengenai kegiatan dagang yang begitu rancak di pelabuhan-pelabuhan negara. I tu menggambarkan aktiviti ekonomi yang sungguh memberangsangkan.

Kemajuan dalam bidang kesihatan dan pendidikan juga begitu ketara sekali. Klinik-klinik desa, pusat-pusat kesihatan dan hospital dibina di seluruh pelusuk tanah air. Ini bertujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan penduduk negara. Dalam bidang pendidikan pula sekolah-sekolah, institusi-institusi pendidikan dan juga pusat pengajian tinggi dibina. Pada ketika itu sudah wujud Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia yang mampu memberi pendidikan tinggi kepada rakyat. Tujuannya ialah supaya penduduk mendapat pelajaran dan pendidikan yang sempurna.

Walaupun negara sudah kelihatan membangun di sana sini namun masalah kemiskinan dan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum masih wujud. Kemiskinan di desa amat ketara sekali jika dibandingkan dengan taraf hidup penduduk di bandar. Menyedari hakikat itu, kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri Malaysia yang kedua Y.A.B Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein telah merangka satu dasar komprehensif yang menguntungkan semua kaum iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB). Dalam satu ucapannya yang dimuatkan dalam filem tersebut Tun Abdul Razak ada menyentuh mengenai DEB.

" Berpandukan Rukunegara maka muncullah Dasar Ekonomi Baru yang dirumuskan untuk menghuraikan masalah sosial dan ekonomi. Tujuan mutamad ialah **perpaduan** negara dalam satu masyarakat yang adil dan maju. Kejayaan bergantung kepada dua matlamatnya membasmi kemiskinan di semua kaum dan menyusun semula masyarakat agar tiada lagi satu-satu kaum yang dikenali dengan kegiatan ekonominya. "

Paparan seterusnya ialah mengenai projek-projek pembangunan yang dilaksanakan. Pembukaan tanah baru dilakukan di serata ceruk rantau negara untuk penanaman kelapa sawit dan getah yang merupakan sumber utama ekonomi Malaysia. Pembinaan talair dilakukan bagi membolehkan para petani menanam padi dua kali dalam setahun untuk menambahkan

pendapatan mereka. Selain daripada itu usaha penanaman tebu, jagung, koko, ubi kayu, kopi dan lada Sarawak diperluaskan.

Para nelayan juga tidak dilupakan, kebajikan mereka diambilkira. Sebuah agensi kerajaan yang memajukan industri perikanan ditubuhkan iaitu Majuikan. Badan itu berperanan untuk memoden dan memusatkan perusahaan ikan. Antara perkara-perkara penting yang diperkenalkan ialah pukat tunda dan pemilikan bot oleh para nelayan. Dengan adanya permodenan ini pastinya akan meningkatkan jumlah penangkapan ikan dan sekaligus menaikkan taraf hidup para nelayan.

Kemudahan infrastruktur di seluruh negara juga dipaparkan dalam filem ini. Antaranya ialah lebuhraya yang baru dibina seperti lebuhraya yang menghubungkan antara Kelantan ke Pulau Pinang, Kuantan ke Segamat dan Kota Kinabalu ke Sandakan. Pembinaan jambatan-jambatan baru juga dilaksanakan. Diperlihatkan dalam filem ini ialah jambatan di Temerloh, Pahang dan di Kuching, Sarawak.

Usaha-usaha untuk meningkatkan ekonomi negara diteruskan terutamanya dalam hal perdagangan serantau dan antarabangsa. Pembinaan pelabuhan-pelabuhan utama negara dilaksanakan. Antara pelabuhan-pelabuhan penting negara yang dibina ialah pelabuhan-pelabuhan

Kuantan, Pasir Gudang, Sandakan, Kota Kinabalu, Kuching dan Sibu. Pelabuhan-pelabuhan ini akan menjadi pemacu kepada kemajuan negara. Di samping itu kemajuan industri penerbangan juga dipaparkan yang menyambungkan destinasi-destinasi di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Hasilnya akan meningkatkan integrasi di dalam negara walaupun dipisahkan dengan lautan luas.

Pelbagai kemajuan lagi dipaparkan dalam filem dokumentari ini. Kemajuan dalam bidang perindustrian begitu jelas kelihatan. Kilang-kilang baru banyak dibina dan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat jelata. Industri kecil dan sederhana diberi tumpuan. Pada ketika itu juga diwujudkan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN). Tujuannya ialah untuk mewujudkan perusahaan di pekan-pekan kecil dan di kawasan luar bandar. Dengan itu akan membuka peluang luas kepada penduduk yang kurang berada untuk melibatkan diri dalam bidang industri dan seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka.

Industri pembalakan juga tidak ketinggalan dipaparkan. Ekoran daripada itu muncullah industri hiliran yang melibatkan kayu kayan. Ia juga merupakan salah satu perusahaan yang mendatangkan hasil kepada negara. Dalam tahun di mana filem ini diterbitkan, Malaysia telah dianugerahkan satu

lagi hasil bumi yang bakal meningkatkan ekonomi negara ini iaitu hasil petroleum. Proses carigali minyak dipaparkan dalam filem dokumentari ini.

Untuk memajukan negara rakyat mesti dilengkapkan dengan ilmu pengetahuan yang mantap. Oleh hal yang demikian kemajuan dalam bidang pendidikan tidak diabaikan. Sekolah-sekolah biasa, sekolah-sekolah vokesyenal, maktab-maktab Mara dan institut pengajian tinggi diwujudkan untuk memenuhi keperluan tenaga manusia dalam bidang perindustrian.

Institut Teknologi Mara (ITM) berfungsi untuk memberi pendidikan yang secukupnya kepada golongan bumiputera dan menghasilkan tenaga profesional untuk membangunkan negara. Di samping itu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) juga sama-sama memainkan peranan bagi meramaikan tenaga mahir untuk menyertai kemajuan dan meningkatkan ekonomi negara.

Pada ketika itu satu lagi agensi kerajaan ditubuhkan iaitu Lembaga Kemajuan Bandar (UDA). Tugas UDA ialah untuk membangunkan bandar-bandar baru di seluruh negara. Dengan adanya pembangunan bandar akan menyemarakkan lagi pembangunan dan kemajuan negara, seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat di seluruh negara tidak kira sama ada mereka tinggal di bandar ataupun di desa.

Demikianlah intipati yang terkandung dalam filem dokumentari yang bertajuk **Ke Arah Perpaduan**. Walaupun nampaknya banyak sekali perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dipaparkan namun apa yang difokuskan ialah mengenai pelaksanaan program Dasar Ekonomi Baru. Program-program yang dilaksanakan melibatkan semua kaum yang tinggal di Malaysia. Dengan secara tidak langsung apabila tercapainya objektif DEB maka akan tercapailah juga objektif perpaduan di kalangan semua kaum di negara ini.

Kandungan Nilai nasional

Setelah dibuat kajian ke atas filem **Ke Arah Perpaduan** pengkaji mendapati terdapat beberapa **nilai nasional** yang boleh dibincangkan. Antara yang paling ketara sekali ialah nilai **perpaduan** dan **pembangunan**. **Nilai-nilai nasional** itu akan dibincangkan secara terperinci di bawah ini.

Pada permulaan filem ini sudah jelas menunjukkan bahawa nilai **perpaduan** diberi keutamaan. Ia dapat dilihat daripada intipati latarkata yang terdapat pada awal filem ini. Latarkata itu dibacakan secara beramai-ramai oleh rakyat daripada berbagai keturunan.

" Kami rakyat Malaysia daripada **berbagai keturunan** - orang Melayu, orang keturunan Cina, orang keturunan India, orang Iban, orang Kadazan, orang Murut, orang Bajau, orang Melanau, orang Asli dan lain-lain berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita

Rukunegara untuk kebahagiaan dan kemakmuran penduduk Malaysia dari berbilang kaum mara maju ke haluan yang sama Ke Arah Perpaduan."

Demikianlah betapa pentingnya perpaduan di kalangan seluruh rakyat di negara ini. Mereka bersatu hati dan membulatkan tekad untuk sama-sama berusaha ke arah kemajuan negara. Satu lagi latarkata yang membuktikan mengenai pentingnya nilai perpaduan yang terdapat dalam filem dokumentari tersebut. Latarkata itu berbunyi seperti berikut.

" Malaysia dengan berbagai keturunan, adat resam dan kepercayaan telah lama hidup aman damai, harmonis & bertolerensi. Zaman berzaman terjalin muhibbah di setiap lapisan masyarakat. Dari lubuk yang berbagai bangsa Malaysia dapat perpaduan dan kekuatan."

Dengan adanya rasa keakraban di kalangan rakyat pelbagai kaum, mereka dapat hidup dalam suasana aman damai, sejahtera dan bahagia. Apabila terlancarnya Dasar Ekonomi Baru akan menjadi satu lagi instrumen kepada perpaduan. Ini jelas dalam ucapan Y.A.B Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kedua yang dicatatkan sebelum ini. Ucapan itu ada kaitannya antara DEB dan perpaduan. Petikan ucapan beliau adalah seperti berikut : -

" Tujuan muktamad ialah perpaduan negara dalam satu masyarakat yang adil dan maju. Kejayaannya bergantung kepada dua matlamat membasmi kemiskinan di semua kaum dan menyusun semula

masyarakat agar tiada lagi satu-satu kaum yang dikenali dengan kegiatan dan ekonominya."

Satu lagi perkara yang dapat menunjukkan dengan jelas bahawa perpaduan itu diberi keutamaan ialah daripada visual yang dipaparkan selain daripada latarkatanya. Salah satu visual yang ditunjukkan ialah mengenai perkhidmatan penerbangan yang menghubungkan antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Ini akan meningkatkan integrasi antara penduduk-penduduk Malaysia dan seterusnya mengwujudkan **perpaduan**.

Satu lagi visual yang menggambarkan perpaduan ialah apabila diperlihatkan pekerja kilang daripada pelbagai kaum berduyun-duyun menuju ke kilang masing-masing. Kelihatan mereka begitu mesra dan bergandingan tangan tanpa mengira kaum dan agama. Keterjalinan yang akrab itu menjadi salah satu faktor untuk meningkatkan lagi produktiviti dan seterusnya memakmurkan negara.

Selain daripada nilai perpaduan satu lagi nilai nasional yang begitu ketara digambarkan dalam filem dokumentari **Ke Arah Perpaduan** ini ialah **pembangunan**. Latarkata di bawah ini menunjukkan dengan jelas apa yang

dimaksudkan dengan pernyataan di atas. Dalam era tahun 60an dan 70an kemajuan dalam bidang pembangunan memang begitu ketara sekali.

" Sejak merdeka dalam tahun 1957 banyak kemajuan tercapai dalam segala bidang usaha. Dalam tahun 60an memuncak kegiatan pembangunan. Di bidang pertanian kemajuan tanah diutamakan. Demikian juga talair dan pokok getah. Rancangan pembangunan luar bandar dilancarkan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk desa. "

Jelas menunjukkan bahawa kawasan pedalaman tidak diabaikan malah pembangunan kawasan tersebut diberi keutamaan. Ianya bertujuan untuk memberi keseimbangan kemajuan antara bandar dan luar bandar. Melalui DEB golongan yang kurang berada diberi perhatian yang lebih.

Daripada pengamatan kepada visual pengkaji dapat mengesan bahawa nilai pembangunan diberi keutamaan. Contohnya ialah pembinaan jalanraya dan lebuhraya yang menghubungkan antara satu tempat ke tempat yang lain dan dari satu bandar ke bandar yang lain. Dengan adanya lebuhraya itu akan memudahkan perhubungan, meningkatkan integrasi, mengeratkan hubungan sesama kaum dan seterusnya memajukan negara.

Selain daripada jalanraya pembinaan-pembinaan infrastruktur lain juga dilaksanakan. Antaranya ialah pembinaan jambatan-jambatan baru dan juga

beberapa pelabuhan utama negara. Ini akan memudahkan lagi perhubungan dan membuka pintu yang lebih luas kepada bidang perdagangan antarabangsa.

Bidang perindustrian juga tidak ditinggalkan. Pembinaan kilang-kilang dilakukan di seluruh negara. Pembukaan zon perdagangan bebas dilaksanakan. Hasilnya sudah tentulah memberi peluang yang luas kepada ramai rakyat untuk mendapatkan pekerjaan. Demikianlah begitu tinggi sekali keutamaan diberikan kepada bidang pembangunan kerana dengan kemajuan yang pesat akan menjanjikan kehidupan yang sempurna kepada rakyat jelata keseluruhannya.

Filem ini diakhiri dengan satu lagi latarkata yang menggambarkan soal **perpaduan** diberi hiraki yang begitu tinggi. **Perpaduan** yang kukuh akan menjamin kesejahteraan dan kestabilan negara seterusnya akan menjana kemajuan yang lebih sempurna.

" DEB mengkehendaki supaya segala rancangan ditujukan ke arah matlamat **perpaduan** negara. **Perpaduan** negara tidak akan tercapai tanpa keseimbangan di antara penduduk Malaysia dalam penyertaan mereka dalam pembangunan negara dan dalam mengecap nikmat dari kemajuan ekonomi. Marilah kita tak kira kaum, kerja atau kedudukan membulat tekad dan niat membina hari ini untuk keturunan masa depan, satu negara yang

bersatupadu lagi maju dengan keadilan dan kemakmuran bagi semuanya."

Demikianlah paparan sebuah filem dokumentari yang membawa kisah mengenai satu dasar penting yang dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan iaitu Dasar Ekonomi Baru. Dasar itu bertujuan memajukan penduduk khasnya rakyat di luar bandar dan seterusnya bermatlamat untuk menyatupadukan semua kaum di negara Malaysia.

Sebagai kesimpulannya pengkaji dapat merumuskan bahawa filem dokumentari **Ke Arah Perpaduan** ini mengundungi unsur-unsur **nilai nasional** utama yang relevan dengan negara Malaysia. Dalam kajian ini pengkaji dapat mengesan dua unsur **nilai nasional** yang tersirat iaitu **perpaduan dan pembangunan**. Kedua-dua **nilai nasional** itu telah pun dibincangkan dengan agak panjang lebar sebelum ini.

5.2.3.2 Filem Dokumentari "Alam Sekitar Memerlukan Anda"

Latarbelakang dan bentuk filem

Filem seterusnya yang dipilih ialah filem yang bertajuk **Alam Sekitar Memerlukan Anda**. Filem ini agak berlainan sedikit daripada filem-filem lain kerana ia mementingkan dari aspek kebersihan dan alam sekitar. Ini bersesuaian sekali dengan salah satu lagi **nilai nasional** yang dibincangkan

iaitu **amalan kebersihan**. Filem dokumentari ini diterbitkan dalam tahun 1986. Panjang masa tayangannya ialah lebih kurang 13 minit. Ia dihasilkan dalam bentuk warna dan dalam format 16 mm.

Sinopsis Filem

Filem ini mengisahkan mengenai sebuah keluarga yang dalam perjalanan untuk pergi berkelah. Keadaan alam sekitar dari rumah ke tepi pantai, terdapat lopak-lopak air bertakung di permukaan jalanraya, air sungai yang kotor akibat pencemaran sisa dari kawasan perumahan, perindustrian dan perlombongan, asap kereta dan bunyi bising kenderaan dan jentera-jentera. Semuanya merupakan faktor penyumbang kepada pencemaran alam yang kurang diberi perhatian oleh masyarakat walaupun sebenarnya ia membawa kesan buruk terhadap kesihatan dan kehidupan manusia.

Olahan filem

Filem ini mengambil pendekatan dokudrama iaitu menggunakan pelakon namun tidak menggunakan dialog. Ia menggambarkan sebuah keluarga yang ingin pergi berkelah dan dalam perjalanan mereka dapat melihat perkara-perkara yang mencemarkan alam sekitar dan keadaan yang kurang bersih.

Semasa melalui ladang kelapa sawit mereka terlihat kilang yang mengeluarkan asap tebal yang pastinya mencemarkan alam. Terlihat juga

pelepasan sisa-sia kilang yang mengalir ke alur air dan mencemarkan serta merosakan sistem sungai.

Visual juga menunjukkan terdapat beberapa kawasan perumahan dan beberapa kedai makan yang tidak menjaga kebersihan. Sampah dibuang merata-rata tempat dan akibatnya mengundang lalat yang membawa penyakit. Sampah yang banyak akan menyebabkan longkang tersumbat dan akan mengakibatkan banjir kilat yang pastinya menyusahkan orang ramai.

Di pantai dengan suasana yang nyaman dan bersih membuatkan keluarga dapat menikmati keseronokan. Mereka mandi manda dan menghayati keindahan alam. Nyatalah bahawa kebersihan dan keindahan alam sekitar adalah amat penting untuk kesejahteraan hidup manusia.

Kandungan Nilai nasional

Filem ini bertujuan mengajak masyarakat mementingkan kebersihan supaya alam sekitar sentiasa bersih dan segar. Sesuai sekali dengan **nilai nasional** yang disarankan oleh kerajaan iaitu **amalan kebersihan**. Apabila keadaan bersih, rakyat akan sihat dan dapat memajukan negara tanpa gangguan kesihatan.

Beberapa latarkata daripada filem ini dapat dipetik yang menggambarkan betapa pentingnya penjagaan alam sekitar dan kebersihan. Salah satu daripadanya adalah seperti berikut :-

" Alangkah indahnya menikmati alam sekitar yang bebas, segar dan nyaman. Udara bersih dan suasana yang hening jauh dari kesibukan kota. Malaysia sungguh bertuah kerana mempunyai pantai-pantai yang indah. "

Satu lagi latarkata yang memfokus kepada kebersihan dan alam sekitar turut dimuatkan dalam filem ini.

" Betapa gembiranya mereka menikmati suasana yang nyaman dan indah. Anak-anak kecil bermandi manda penuh keriangan, bermain dan berlari bebas di pantai. Ternyata sudah alam semulajadi yang indah dicipta tuhan untuk manusia menikmatinya. Manusia bersahabat karib dengan alam sekitar saling memerlukan antara satu sama lain. "

Visual dalam filem ini memainkan peranan penting. Salah satu fungsinya ialah memaparkan satu perlambangan. Pada satu segmen dipaparkan gambaran sebuah tembok runtuh akibat sering sangat dipukul ombak kuat di tepi pantai. Di akhir filem ini dikemukakan satu latarkata yang berkait dengan visual itu. Latarkata itu berbunyi seperti berikut :-

" Apakah keindahan suasana hari ini akan berkekalan hingga hari esok. Apakah ia akan turut musnah seperti tembok di tepi pantai yang dihempas dan dihakis ombak. "

Filem ini dengan jelas mengajak masyarakat supaya menjaga kebersihan alam sekeliling dan keindahan alam sekitar. Ternyata bahawa filem-filem yang diterbitkan oleh Filem Negara Malaysia memang bertujuan untuk sama-sama mendokong dasar-dasar kerajaan. Kebersihan adalah satu perkara penting yang amat dititikberatkan oleh pemerintah.

5.2.3.3 Filem Dokumentari "Malaysia Megah Membangun"

Latarbelakang dan bentuk filem

Filem ketiga yang dipilih untuk kajian bagi zaman pasca merdeka ialah filem yang bertajuk **Malaysia Megah Membangun**. Filem ini dipilih kerana ia diterbitkan dalam zaman selepas merdeka iaitu setelah 33 tahun Malaysia mencapai kemerdekaannya. Pengkaji ingin melihat perbezaan yang dapat dilihat kepada filem-filem dokumentari yang dihasilkan pada era 90an dan era-era sebelumnya.

Filem dokumentari ini diterbitkan dalam tahun 1990 dan dalam bentuk warna. Ia dihasilkan dalam format 16 mm dan 35 mm. Panjang masa tayangannya ialah lebih kurang 20 minit. Filem dokumentari ini dikeluarkan dalam dua versi bahasa iaitu bahasa Melayu dan Inggeris. Filem versi bahasa Inggerisnya menggunakan tajuk **Malaysia : A Nation In Bloom**.

Filem ini banyak mengisahkan mengenai kejayaan dan kemajuan yang dicapai oleh Malaysia sejak mencapai kemerdekaan. Sesuai dengan tahun penerbitannya iaitu pada era 90an, filem ini banyak memaparkan mengenai kesungguhan dan keazaman negara ini untuk terus maju ke hadapan.

Sinopsis Filem

Filem ini mengisahkan mengenai kejayaan negara Malaysia mencapai kemajuan dalam semua bidang yang diceburinya. Kemajuan yang dimaksudkan ialah dalam bidang-bidang seperti pertanian, perindustrian, kebudayaan, pengangkutan, pelancungan dan industri petroleum. Dipaparkan juga mengenai sistem pemerintahan negara yang begitu bagus berlandaskan Sistem Raja Berperembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

Selain daripada itu digambarkan juga mengenai sistem pemerintahan kepartian yang mana banyak parti-parti politik daripada pelbagai kaum bergabung di bawah sebuah parti yang besar dan menjalankan pemerintahan negara. Semua kaum dapat bertolak ansur dan sanggup berkorban demi menjamin kestabilan negara. Semua kaum digambarkan hidup dalam suasana aman makmur. Rakyat dilatih sejak kecil lagi supaya saling hormat menghormati di antara satu sama lain tanpa mengira keturunan.

Olahan filem

Plot filem ini dimulakan dengan mengimbas kembali sejarah negara Malaysia. Ia bermula dengan sejarah zaman keagungan pemerintahan Melaka. Melaka

mula ditakluk oleh kuasa luar iaitu Portugis dalam tahun 1511 dan kemudiannya Belanda dalam tahun 1641. Seterusnya Tanah Melayu dijajah oleh British dan diganggu gugat pula oleh penganas komunis. Akhirnya wujudlah semangat nasionalisme di kalangan penduduk Tanah Melayu untuk menuntut kemerdekaan. Pada 31 Ogos 1957 sampailah tarikh keramat di mana Tanah Melayu telah memperoleh kemerdekaannya daripada British.

Gambaran seterusnya dalam filem dokumentari ini ialah mengenai sistem pemerintahan di Malaysia. Sistem pemerintahan yang diamalkan ialah Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Antara visual yang digambarkan ialah istiadat perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong. Sistem Demokrasi Berparlimen memberi jaminan kepada rakyat Malaysia untuk bersuara dan berpolitik secara bebas dengan batasan-batasan tertentu.

Paparan seterusnya dalam filem ini ialah mengenai keindahan negara ini. Keindahan alam semula jadi merupakan satu anugerah tuhan dan juga salah satu sumber pendapatan kerana mampu menarik ramai pelancong untuk mengunjunginya. Visual yang dipilih untuk segmen ini ialah tempat rekreasi Taman Negara. Ia dipaparkan dengan begitu indah sekali dan mampu menambat hati penonton.

Segmen seterusnya ialah mengenai hasil usaha negara ini dalam pelbagai bidang seperti pertanian, perindustrian, pembuatan dan pelancongan. Dalam bidang pertanian visual yang dipaparkan ialah perusahaan kelapa sawit, getah, buah-buahan dan teh. Ia memperlihatkan kejayaan dalam perusahaan tersebut dan membawa banyak hasil. Selain daripada pertanian, perusahaan barang tempatan untuk dieksport juga dipaparkan. Antaranya ialah barang perabot dan peralatan elektronik lainya dibuat dengan begitu teliti dan berkualiti sesuai dengan statusnya sebagai barang eksport.

Industri berat juga tidak ketinggalan dimuatkan dalam filem dokumentari ini. Industri yang ditonjolkan ialah industri pembuatan kereta nasional. Ia memperlihatkan kecanggihan kilang Proton di Shah Alam menghasilkan kereta yang bermutu sama ada untuk kegunaan dalam negara ataupun untuk eksport. Selain itu dipaparkan juga industri carigali minyak di luar pantai Malaysia. Industri itu menghasilkan pendapatan yang lumayan kepada negara.

Demikianlah isi yang dimuatkan dalam filem dokumentari **Malaysia Megah Membangun**. Kejayaan dalam pelbagai bidang adalah hasil usaha yang bersungguh-sungguh daripada pemimpin dan rakyat Malaysia. Kejayaan yang dikecapi membolehkan Malaysia bersaing dengan negara-

negara lain di dunia dalam semua bidang, boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju yang lain.

Kandungan Nilai nasional

Kajian seterusnya ke atas filem **Malaysia Megah Membangun** ini ialah mengenai **nilai nasional** yang tersirat di dalamnya. Setelah dibuat kajian pengkaji mendapati terdapat beberapa **nilai nasional** yang boleh dibincangkan. Antara yang paling ketara sekali ialah nilai **pembangunan, perpaduan, kebudayaan dan patriotisme**. Nilai-nilai nasional itu akan dibincangkan secara terperinci di bawah ini.

Dalam satu segmen filem dokumentari ini memaparkan mengenai kemajuan yang dicapai dalam bidang penanaman getah, kelapa sawit dan teh. Hasilnya cukup memuaskan dan memberikan pulangan yang sungguh lumayan kepada pengusaha. Di samping itu industri pembuatan juga dipaparkan. Barang buatan tempatan seperti perabot dan barang elektrik ditonjolkan dalam filem ini. Industri berat seperti pembuatan kereta juga tidak ketinggalan.

Penemuan minyak merupakan satu rahmat yang besar kepada negara ini. Perusahaan carigali minyak di luar pantai Malaysia mendatangkan pendapatan yang lumayan kepada negara. Perkara-perkara yang dipaparkan itu menunjukan bahawa Malaysia membangun dengan begitu pesat dan

pantas. Dapatlah dinyatakan bahawa nilai pembangunan diberi penekanan yang tinggi dalam filem dokumentari **Malaysia Megah Membangun** ini.

Di samping nilai **pembangunan** nilai **perpaduan** juga diberi keutamaan. Dipaparkan visual yang menunjukan kanak-kanak daripada berbilang kaum dan keturunan bermain bersama-sama dalam suasana gembira dan mesra. Tidak ada benteng perkauman yang menjadi pemisah antara mereka. Di sekolah dipaparkan bagaimana kanak-kanak semua kaum dapat bersekolah dalam suasana harmoni tanpa masalah. Latarkata yang dipaparkan di bawah ini dengan jelas menunjukan semangat **perpaduan** yang dipupuk sejak dari zaman anak-anak lagi.

"Adunan budaya lahir dari persefahaman dan **perpaduan antara kaum**. Sejak kecil lagi kanak-kanak diajar menghormati nilai-nilai sosial dan latarbelakang tradisi kaum-kaum yang lain. Suasana di sekolah sungguh mesra. Disiplinnya lembut tetapi diajar dengan tegas agar setiap kanak-kanak dapat membesar menjadi warganegara yang berguna dan bertanggungjawab."

Suasana **perpaduan** juga tergambar dengan jelas semasa sesuatu kaum menyambut hari perayaan masing-masing. Dipaparkan visual yang menunjukan hari terbuka diadakan sempena sambutan Hari Raya. Kelihatan semua kaum datang untuk sama-sama meraikan sambutan perayaan

tersebut. Di sini jelas menunjukan bahawa **perpaduan** merupakan satu ciri utama kepada rakyat Malaysia. Ini lebih jelas dengan latarkata berikut :-

"Pesta perayaan sesuatu kaum disambut dengan meriah sekali dan penuh warna warni. Ini mencerminkan keupayaan setiap kaum untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing dalam suasana aman, bebas dan gembira. Menziarahi antara satu sama lain di hari-hari perayaan telah menjadi satu tradisi di mana para tetamu merasa seperti di rumah sendiri. Pada hari-hari istimewa, sifat kasih mesra dan dermawan jelas kelihatan dalam berbagai cara. Rumah terbuka memberi peluang kepada rakyat jelata - tua muda, miskin kaya, datang mengunjungi para pemimpin yang mereka hormati. "

Satu lagi **nilai nasional** yang dapat dikesan dalam filem dokumentari ini ialah **kebudayaan**. Ini dapat dibuktikan dengan melihat latarkata yang dipaparkan di bawah ini.

" Berbagai **kebudayaan** dapat wujud dalam suasana yang aman dan harmonis. Inilah yang seringkali mengagumkan pelancong asing. Tapi buat rakyat Malaysia, itulah cara hidup mereka. "

Jelas sekali bahawa **kebudayaan** merupakan satu cara hidup rakyat negara ini. Dengan mengamalkan kebudayaan nasional secara tidak langsung akan mengeratkan hubungan antara penduduk negara ini dan sekaligus mengwujudkan **perpaduan**.

Dalam segmen akhir dokumentari ini dipaparkan visual mengenai sambutan Hari Kebangsaan. Rakyat daripada berbilang kaum sama-sama mengambil bahagian dalam acara-acara yang dianjurkan. Mereka berganding bahu menjayakan sambutan tersebut. Dari sini dapatlah dinyatakan bahawa semangat **perpaduan** dan **patriotisme** dapat dilihat dengan jelas sekali. **Perpaduan** terserlah apabila semua kaum mengambil bahagian. **Patriotisme** pula terpancar apabila kelihatan orang ramai dan juga orang yang mengambil bahagian mengibarkan bendera Malaysia sebagai tanda kasih dan sayangkan negara.

Setelah dibuat analisis ke atas filem dokumentari **Malaysia Megah Membangun** ini dapatlah disimpulkan bahawa filem ini mengundungi unsur-unsur **nilai nasional** utama yang berkaitan dengan kajian ini. Dalam kajian ini pengkaji dapat mengesan beberapa unsur **nilai nasional** yang tersirat. Nilai-nilai itu ialah **pembangunan**, **perpaduan**, **kebudayaan** dan **patriotisme**. Jelas menunjukan bahawa filem-filem dokumentari terbitan MFU/FNM mengandungi **nilai nasional** yang sejajar dengan dasar dan kehendak kerajaan.

5.2.3.4 Filem Dokumentari "Malaysia Melangkah Ke Hadapan"

Latarbelakang dan bentuk filem

Filem seterusnya yang dipilih untuk kajian bagi zaman pasca merdeka ialah filem yang bertajuk Malaysia Melangkah Ke Hadapan. Salah satu sebab kenapa filem ini dipilih ialah kerana ia diterbitkan dalam zaman di mana Malaysia telah mencapai kemajuan dalam banyak bidang. Filem ini dihasilkan dalam tahun 1998 iaitu setelah 41 tahun Malaysia mencapai kemerdekaannya. Isi filem ini adalah mengimbas kembali segala kemajuan dan kemakmuran yang diperolehi.

Filem dokumentari **Malaysia Melangkah Ke Hadapan** ini mempunyai jangkamasa tayangan selama 25 minit. Ia dihasilkan dalam bentuk warna dan dalam format 35 mm. Ia membawa kisah kejayaan dan kemajuan yang dicapai oleh Malaysia selama dipimpin oleh empat orang Perdana Menteri iaitu sejak negara mencapai kemerdekaan. Kejayaannya sungguh mengagumkan. Dari sebuah negara yang mundur kini ia mencapai kemajuan hampir setaraf dengan negara-negara maju lain di dunia.

Sinopsis Filem

Filem dokumentari ini membawa kisah mengenai kemajuan yang dicapai oleh Malaysia dalam pemerintahan setiap Perdana Menteri. Ianya bermula sejak zaman Perdana Menteri pertama iaitu Almarhum Tunku Abdul Rahman,

seterusnya Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Hussein Onn dan kejayaan Perdana Menteri terkini iaitu Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Perkara-perkara yang dipaparkan ialah mengenai kejayaan negara dalam semua bidang.

Olahan filem

Filem dokumentari ini dimulakan dengan menyingkap kembali sejarah negara ini sejak dari zaman pemerintahan Jepun lagi. Ia menyorot kembali betapa susahnya rakyat negara ini hidup dalam zaman penjajah. Setelah British kembali memerintah di Tanah Melayu rakyatnya masih hidup dalam keadaan tertekan. Mereka seolah-olah dicengkam, tidak bebas dan tidak boleh menentukan masa hadapan negara mereka sendiri.

Semasa pemerintahan British, kuasa penjajah itu mengusulkan penubuhan Malayan Union di Tanah Melayu. Menyedari bahawa rancangan pemerintah British itu akan mengurangkan kuasa Raja-Raja Melayu maka orang Melayu di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar bangun menentang. Perhimpunan menentang Malayan Union diadakan di merata tempat dan akhirnya British terpaksa tunduk kepada orang Melayu. Malayan Union digantikan dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

Pada zaman itu sudah mula wujud semangat nasionalisme di kalangan penduduk Tanah Melayu. Timbul kesedaran di kalangan orang-orang Melayu

untuk bersatu. Bermula dari situlah wujudnya parti politik yang mewakili orang-orang Melayu. Parti tersebut dikenali sebagai United Malays National Organisation (UMNO) atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang ditubuhkan pada tahun 1946. Di sinilah bermulanya bibit-bibit awal rakyat Tanah Melayu menuntut kemerdekaan.

Dalam tahun 1948 negara ini dilanda masalah. Komunis mula menganas dengan tujuan untuk menumbangkan kerajaan menerusi perbuatan sabotaj dan menakut-nakutkan orang ramai. Negara tidak aman, rakyat tidak tenteram. Para pemimpin berusaha untuk menyelesaikan masalah. Hasilnya ialah satu rundingan telah diadakan antara Tunku Abdul Rahman Putra dan pemimpin tertinggi Parti Komunis Malaya (PKM) iaitu Chin Peng.

Rundingan itu dikenali sebagai Rundingan Baling kerana ia diadakan di Pekan Baling, Kedah. Tunku meminta supaya PKM dibubarkan tetapi Chin Peng menolaknya. Gagallah rundingan itu dan PKM berikrar untuk meneruskan perjuangan bersenjata di hutan. Visual mengenai rundingan itu dipaparkan dalam dokumentari itu.

Rentetan sejarah Tanah Melayu diteruskan lagi dengan memaparkan visual pemergian Tunku Abdul Rahman Putra ke London untuk berunding

dengan pemerintah British. Tujuannya ialah untuk meyakinkan pemerintah British bahawa Tanah Melayu sudah bersedia untuk berdiri sendiri, sudah mampu untuk merdeka. Apabila kembali ke Tanah Melayu, bertempat di Padang Pahlawan, Melaka Tunku mengumumkan bahawa Kerajaan British telah bersetuju untuk memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.

Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan maka bermulalah era Tunku Abdul Rahman meneraju negara. Beliau dilantik sebagai Perdana Menteri pertama bagi negara ini. Sebagai sebuah negara baru sudah tentulah tugas Tunku amat berat. Beliau perlu meletakkan asas yang kukuh supaya pembangunan di masa depan berjalan lancar.

Tunku memberi tumpuan kepada pembangunan di kawasan luar bandar. Ini ialah kerana kawasan tersebut masih mundur dan terkebelakang jika dibandingkan dengan kawasan bandar. Perkara-perkara yang diberi keutamaan ialah bekalan air, pembinaan sekolah dan mengwujudkan klinik desa. Dari segi ekonomi pula penekanan diberikan kepada pembangunan penanaman getah, melombong bijih dan perusahaan balak. Tunku perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk membangunkan sebuah negara baru demi memastikan kesejahteraan rakyat.

Pada zaman pemerintahan Tunku Abdul Rahman satu peristiwa penting telah berlaku kepada Tanah Melayu. Peristiwa yang dimaksudkan itu ialah pembentukan Malaysia. Persekutuan Tanah Melayu telah bergabung dengan Singapura, Sabah dan Sarawak untuk menjadi sebuah negara yang lebih besar dan kukuh. Malaysia terus maju dalam pelbagai kegiatan. Pelabur dari dalam dan luar negara sama-sama menyumbang untuk memakmurkan negara ini.

Demikianlah jasa besar yang telah dicurahkan oleh Perdana Menteri pertama Almarhum Tunku Abdul Rahman. Beliau digelar Bapa Kemerdekaan kerana hasil usaha gigih beliaulah membolehkan Tanah Melayu memperoleh kemerdekaan dengan secara aman tanpa tumpah darah.

Pada 22 September 1970 tercatat satu lagi sejarah bagi Malaysia. Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tunku Abdul Rahman. Beliau adalah Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Tun Abdul Razak meneruskan usaha-usaha pembangunan negara yang telah diasaskan oleh Tunku Abdul Rahman.

Tun Abdul Razak mempercepatkan proses pembangunan nasional dengan memberi tumpuan kepada pembangunan luar bandar. Beliau memperkenalkan konsep Bilik Gerakan Negara di mana melalui konsep itu

pemantauan setiap projek pembangunan dilakukan. Dengan cara itu akan menyegerakan perjalanan pembangunan di dalam negara.

Kemajuan dalam bidang pertanian diberi keutamaan yang sewajarnya. Perusahaan getah, padi dan kelapa sawit dipertingkatkan. Jentera-jentera moden digunakan secara meluas. Di samping itu pembangunan-pembangunan lain juga diberi perhatian umpamanya pembinaan jalanraya, lebuhraya dan penyediaan rumah yang mencukupi untuk rakyat. Kawasan-kawasan industri diwujudkan termasuklah zon perdagangan bebas.

Satu lagi jasa besar Tun Abdul Razak ialah menggubal Dasar Pendidikan Negara untuk sekolah-sekolah dengan tujuan mengeratkan perpaduan. Ia dilakukan dengan menggunakan satu bahasa utama dalam proses pembelajaran iaitu bahasa Melayu. Semua kaum menggunakan satu bahasa dan hasilnya semua mereka berpadu untuk membangunkan negara.

Tun Abdul Razak juga memainkan peranan utama pada peringkat serantau. Beliau merupakan teraju utama ke arah penubuhan ASEAN iaitu kerjasama erat antara negara-negara di kawasan Asia Tenggara. Dasar luar negara Malaysia ialah mengamalkan dasar persahabatan dengan semua negara.

Demikianlah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Tun Abdul Razak untuk membangun dan memajukan negara. Oleh sebab jasa-jasanya yang begitu banyak beliau telah diberi gelaran Bapa Pembangunan. Begitulah lazimnya apabila kita berjasa kepada masyarakat pastinya jasa-jasa yang baik akan tetap dikenang.

Pada tahun 1976 Tun Abdul Razak telah dijemput untuk menemui ilahi semasa masih menjadi Perdana Menteri. Walaupun beliau masih mahu memberi khidmatnya kepada negara namun penentuan ilahi tidak siapa dapat menghalangnya. Tun Hussein Onn menyambung tugas Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ketiga. Beliau ialah putera kepada Dato' Onn Jaafar iaitu pengasas UMNO.

Semasa Tun Hussein Onn menjadi pemimpin negara banyak pembangunan dan kemajuan telah dicapai. Di samping pembangunan dalam pelbagai bidang kemajuan, bidang pertanian juga diberi keutamaan. Tun Hussein Onn telah melancarkan Projek Buku Hijau. Projek tersebut bertujuan menggalakkan rakyat menanam sayur-sayuran untuk tujuan penggunaan sendiri dan juga untuk jualan. Salah satu objektifnya ialah untuk mencegah inflasi.

Bidang pendidikan juga tidak diabaikan. Banyak sekolah-sekolah vokesyenal dan perdagangan diwujudkan bertujuan melahirkan ramai tenaga mahir dalam bidang teknikal dan juga golongan peniaga. Golongan tersebut amat diperlukan untuk membangunkan negara. Perkembangan dalam bidang perindustrian juga amat dititikberatkan. Hasil-hasil perindustrian itu dibuat dengan mementingkan mutu yang tinggi kerana ia akan dieksport keluar negara.

Tun Hussein Onn mempunyai pandangan yang sama dengan pemimpin-pemimpin sebelum ini mengenai dasar luar negara. Dasar-dasar berbaik-baik dengan negara-negara luar diteruskan terutamanya dengan negara-negara jiran dan ASEAN. Di bawah pimpinan Tun Hussein Onn Malaysia terus maju jaya dan terus membangun.

Tun Hussein Onn tidak dapat meneruskan tugasnya sebagai Perdana Menteri atas sebab-sebab kesihatan. Tampuk pemerintahan beralih tangan kepada orang baru iaitu Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Beliau mengambil alih jawatan tertinggi negara itu pada 16 Julai 1981 dan merupakan Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Bermulalah satu era baru kepada negara Malaysia. Rakyat mengharapkan pelbagai perubahan dinamik akan dilaksanakan oleh pimpinan baru.

Sejak daripada awal pentadbirannya lagi Dr. Mahathir telah banyak melakukan perubahan. Perkara pertama yang dilakukan ialah menyeragamkan waktu antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Waktu di Semenanjung dipercepatkan selama 30 minit untuk membolehkan waktu seluruh Malaysia adalah seragam. Tujuannya ialah supaya urusan perhubungan dan perniagaan antara kedua-dua zon tersebut berjalan lancar.

Perkara kedua yang dilakukan ialah memodenkan perkhidmatan awam dengan harapan ianya menjadi lebih cekap. Alat perakam waktu diperkenalkan di semua pejabat kerajaan. Dengan pelaksanaan itu bermakna semua kakitangan kerajaan perlu mengetik kad perakam waktu masing-masing semasa sampai ke pejabat dan juga sewaktu menamatkan tugas. Ini bertujuan untuk memastikan supaya semua kakitangan datang dan balik pada waktu yang telah ditetapkan dan memastikan perkhidmatan kerajaan akan menjadi lebih cekap dan sempurna.

Di bawah pentadbiran Dr. Mahathir pelbagai dasar baru diperkenalkan. Antaranya ialah Dasar Penswastaan, Dasar Persyarikatan Malaysia, Dasar Penerapan Nilai Islam, Dasar Kependudukan dan banyak lagi. Kesemua dasar-dasar tersebut mempunyai tujuan dan matlamat tersendiri. Dasar Penswastaan umpamanya bertujuan untuk meninggikan kecekapan dan penghasilan kerja, meringankan bebanan kewangan kerajaan dan

menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Apabila sudah diswastakan proses birokrasi yang melambatkan urusan dapat dikurangkan.

Dasar Persyarikatan pula bertujuan mengwujudkan satu kerjasama erat, bermakna dan berkesan di antara sektor awam dengan swasta dalam menjayakan pembangunan negara. Hasil kerjasama itu diharapkan akan membawa manfaat yang akan dikesapi oleh kedua-dua belah pihak. Jelasnya, kedua-dua pihak iaitu awam dan swasta mestilah memainkan peranan masing-masing untuk sama-sama memaju dan membangunkan negara.

Semasa Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri banyak sekali kemajuan dan pembangunan telah dilaksanakan. Selain daripada kemajuan-kemajuan biasa seperti mana yang dicapai semasa era tiga Perdana Menteri sebelum ini banyak kejayaan-kejayaan luar biasa yang amat dibanggakan sesuai dengan dengan suasana zaman serba maju. Kejayaan yang dicapai adalah setaraf dengan pencapaian negara-negara lain di dunia yang boleh dianggap sebagai negara maju.

Dalam bidang perindustrian berat, Malaysia telah mencapai kejayaan cemerlang. Industri pembuatan kereta telah diwujudkan dengan tertubuhnya Perusahaan Otomobil Nasional atau Proton dan lahirlah kereta buatan

Malaysia pertama yang dikenali sebagai Proton Saga. Tidak lama kemudian diwujudkan satu lagi syarikat pembinaan kereta iaitu Perusahaan Otomobil Kedua atau Perodua. Perodua menghasilkan kereta pertamanya iaitu Perodua Kancil.

Sehingga kini banyak sekali model-model kereta yang dihasilkan oleh kedua-dua syarikat itu. Antaranya Proton Iswara, Proton Wira, Proton Satria, Proton Tiara, Proton Putra, Proton Perdana dan yang terkini ialah Proton Waja. Perodua pula telah menghasilkan Perodua Kancil, Perodua Rusa, Perodua Kenari, Kembara dan Kelisa.

Pembangunan fizikal amat ketara sekali kelihatan. Jambatan Pulau Pinang yang menghubungkan tanah besar dengan Pulau Pinang telah menjadi kenyataan pada tahun 1985. Jambatan itu merupakan jambatan yang terpanjang di Asia dan yang ketiga di dunia. Dengan siapnya jambatan itu memudahkan aliran trafik antara kedua-dua kawasan tersebut tanpa hanya bergantung kepada perkhidmatan feri semata-mata. Kemudahan infrastruktur sedemikian mempercepatkan lagi pembangunan di Pulau Pinang.

Siapnya Lebuhraya Utara Selatan merupakan satu lagi kejayaan kepada negara Malaysia. Lebuhraya itu menghubungkan Bukit Kayu Hitam di utara dengan Johor Bahru di selatan. Lebuhraya canggih itu melancarkan

perhubungan darat di Semenanjung Malaysia. Di samping itu ia merupakan satu pemangkin kepada pembangunan di sekitar koridor lebuhraya. Selain lebuhraya itu banyak lagi lebuhraya-lebuhraya lain yang dibina di sekitar Lembah Kelang dan di bandar-bandar besar yang lain.

Satu sistem pengangkutan canggih telah disiapkan semasa zaman pentadbiran Dr. Mahathir. Sistem pengangkutan itu dikenali sebagai sistem transit aliran ringan atau LRT yang dibina di Kuala Lumpur. Dengan adanya sistem itu memudahkan orang ramai pergi dari satu tempat ke tempat yang lain tanpa perlu mengharung kesesakan lalu lintas.

Kemudahan untuk pengangkutan udara juga tidak dilupakan. Pembinaan lapangan terbang antarabangsa yang baru telah dilaksanakan. Lapangan terbang yang dikenali sebagai Kuala Lumpur International Airport atau KLIA itu dibina di Sepang. Dengan siapnya KLIA memberi kemudahan yang sungguh selesa dan meningkatkan pertumbuhan industri penerbangan di rantau ini.

Dalam bidang komunikasi Malaysia tidak ketinggalan. Dalam era Dr. Mahathir satu menara telah dibina dan ia dikenali sebagai Menara Kuala Lumpur. Menara itu adalah menara yang keempat tertinggi di dunia. Ia

berfungsi sebagai lokasi untuk menempatkan alat-alat pemancar bagi radio, televisyen dan alat-alat perhubungan telekomunikasi yang lain.

Malaysia telah meraih kejayaan untuk menjadi tuan rumah kepada satu acara sukan terbesar di dunia iaitu Sukan Komanwel. Sukan itu diadakan pada tahun 1998. Sebagai persediaan ke arah itu sebuah kompleks sukan telah dibina di Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Kompleks tersebut menempatkan veneu-veneu sukan yang lengkap dan bertaraf dunia.

Dalam filem **Malaysia Melangkah Ke Hadapan** ini juga dipaparkan pembinaan sebuah bangunan berkembar yang begitu canggih dan indah. Bangunan yang dikenali sebagai Menara Berkembar Petronas itu diiktiraf sebagai bangunan yang tertinggi di dunia. Dengan siapnya bangunan itu telah membuka mata dunia bahawa Malaysia mampu melakukan sesuatu yang luar biasa. Di bawah pimpinan Dr. Mahathir telah membawa Malaysia melangkah jauh ke hadapan.

Sebagai seorang pemimpin yang berpandangan jauh ke hadapan Dr. Mahathir menyedari bahawa teknologi maklumat atau IT adalah sesuatu yang amat penting dalam zaman serba moden ini. Bertitik tolak daripada itu beliau merencanakan satu projek raksasa yang dikenali sebagai Multimedia Super

Corridor atau MSC. MSC adalah satu kawasan yang akan memajukan industri IT di negara ini.

Kandungan Nilai nasional

Terdapat empat **nilai nasional** utama iaitu yang dikesan iaitu **pembangunan, patriotisme, perpaduan dan Wawasan 2020**.

Satu segmen dalam filem ini yang memaparkan visual sambutan Hari Kebangsaan, latarkatanya jelas menunjukkan betapa **perpaduan** diberi penekanan yang begitu tinggi. Petikan latarkata itu berbunyi seperti berikut;

"Bertahun-tahun lamanya kita telah dapat mengekalkan **keharmonian antara kaum**. Di Malaysia kita hidup dalam satu dunia di mana **perpaduan merupakan satu cara hidup**. Di hari ulangtahun kemerdekaan yang meriah ini rakyat Malaysia daripada **berbilang kaum dan budaya** dengan bangganya menyambut dan merayakannya sebagai warga sebuah negara yang **mara menuju matlamatnya**."

Perpaduan diperlihatkan sebagai satu cara hidup. Walaupun semasa filem ini diterbitkan Malaysia telah mencapai kemerdekaan selama 41 tahun namun filem ini menekankan nilai **perpaduan** dengan jelas. Nilai **perpaduan** ini kerap dikaitkan dengan konsep pembangunan contohnya pembangunan pendidikan;

"Tun Razak juga bertanggungjawab menggubal Dasar Pendidikan Negara untuk sekolah-sekolah dengan tujuan

mengeratkan perpaduan menerusi satu sistem pendidikan. Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan."

Pernyataan itu dengan jelas menunjukkan bahawa perancangan untuk menyatupadukan rakyat begitu dititiberatkan. Sejak anak-anak di bangku sekolah lagi mereka akan didedahkan dengan suasana **perpaduan** dan persefahaman di antara satu sama lain.

Filem ini juga menekankan nilai-nilai **patriotisme**. Terdapat dua keadaan bagaimana nilai ini ditonjolkan. Pertama apabila filem ini menjelaskan keadaan kebencian dan penentangan masyarakat Melayu terhadap Malayan Union dan kedua sewaktu rakyat Malaysia menentang komunis. Rakyat Malaysia digambarkan sebagai individu-individu yang sanggup berkorban apa saja untuk negaranya.

Nilai nasional yang ditekan secara panjang lebar dalam filem ini adalah yang bersumber dan konsep pembangunan itu sendiri. Filem ini menjelaskan setiap peringkat pembangunan yang dicapai di bawah pentadbiran setiap Perdana Menteri sama ada pembangunan fizikal mahupun mental.

Dalam beberapa segmen filem ini nampak jelas bahawa hal-hal **pembangunan** diberi keutamaan. Di peringkat awal dikisahkan bagaimana

Perdana Menteri pertama YTM Tunku Abdul Rahman mengutamakan pembangunan di kawasan luar bandar. Di zaman pimpinan Tun Abdul Razak beliau meluaskan lagi pembangunan pada peringkat nasional. Banyak kemajuan dilakukan sehingga beliau dianugerahkan gelaran Bapa Pembangunan.

Semasa zaman pentadbiran Perdana Menteri keempat iaitu Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad lagi banyak kemajuan dan pembangunan telah dilaksanakan untuk kesejahteraan rakyat. Pembangunan begitu ketara sekali bukan sahaja di bandar-bandar malah di seluruh negara. Ia jelas tergambar dengan latarkata seperti di bawah ini.

" Dengan tahap **pembangunan** yang begitu pesat Malaysia sedang bergerak lancar menuju ke era industri berteknologi tinggi. "

Sesuai dengan zaman teknologi moden ini Dr. Mahathir telah mencetuskan satu idea iaitu memperkenalkan satu kawasan yang akan memajukan bidang teknologi maklumat (IT). Kawasan itu dikenali sebagai *Multimedia Super Corridor* atau MSC. Beliau mempunyai pandangan jauh ke hadapan untuk memajukan negara ini. Berkaitan dengan itulah Dr. Mahathir juga telah memperkenalkan satu wawasan masa depan yang cukup komprehensif iaitu Wawasan 2020. Wawasan itu bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020.

Pada penghujung filem ini terdapat satu latarkata yang menyimpulkan mengenai pentingnya pembangunan dan juga Wawasan 2020.

"Daripada sebuah negara yang serba kekurangan Malaysia telah membangun sebegini rupa berkat usaha dan kerjasama seluruh rakyatnya. Melalui teknologi moden dan keajaiban era informasi, Malaysia kini bergerak cergas menuju matlamat **Wawasan 2020**. Satu matlamat yang bakal menjadikan Malaysia negara yang maju sepenuhnya."

Sebagai kesimpulannya pengkaji dapat merumuskan bahawa filem dokumentari **Malaysia Melangkah Ke Hadapan** ini mengundungi unsur-unsur **nilai nasional** utama yang relevan dengan negara Malaysia. Dalam kajian ini pengkaji dapat mengesahkan beberapa unsur **nilai nasional** yang tersirat iaitu **perpaduan, patriotisme, pembangunan dan Wawasan 2020**. Kesemua nilai-nilai nasional itu telah pun dibincangkan dengan panjang lebar sebelum ini.

5.3 Rumusan

Kajian telah dilakukan ke atas sepuluh buah filem dokumentari yang telah diterbitkan oleh MFU/FNM sejak tahun 1949. Kajian ini mengenalpasti walaupun bentuk dan matlamat nilai-nilai nasional ini ditekankan di dalam kesemua filem yang dikaji namun jenis-jenis nilai yang ditekankan berbeza.

Dalam setiap filem pula terdapat lebih daripada satu nilai-nilai nasional yang diberi penekanan.